

CABARAN ALIRAN LITERALIS PADA ERA MURABITUN: PERANAN IBN AL-'ARABI AL-MALIKI TERHADAP PENGUKUHAN ASH'ARIYYAH DI AL-MAGHRIB DAN AL-ANDALUS

THE CHALLENGE OF LITERALIST SCHOOL IN THE MURABITUN ERA: THE ROLE OF IBN AL-'ARABI AL-MALIKI IN STRENGTHENING ASH'ARISM IN AL-MAGHRIB AND AL-ANDALUS

Umar Muhammad Noor

Fakulti Pengajian Islam. Universiti Malaysia Sabah. Jalan UMS. 88400. Kota Kinabalu. Sabah. Malaysia

Corresponding author:
umarmnoor@ums.edu.my

DOI:
<https://doi.org/10.22452/afkar.vol28no1.13>

Article History:
Acceptance date: 3 March 2026
Available Online: 30 June 2026

Abstract

This article examines the spread of the Ash'ari School in the Islamic West, critically assessing the prevailing narrative that it began only with the revolution of Ibn Tumart in the 6th century AH/12th century AD. Prior to that moment, Muslims in the region were purported to adhere to the *Salaf* creed and vehemently oppose speculative theology (*'ilm al-kalam*). This study uses the biographical and corpus of Abu Bakr ibn al-'Arabi (468-543H/1078-1178A), a distinguished Maliki-Ash'ari scholar in the Murabitun era, as a case study to identify the position of the Ash'ari school and the challenges it faced. The research is qualitative in nature, applying prosopographical methods and documentary analysis. Data are drawn from biographical dictionaries, historical chronicles, and Ibn al-'Arabi's extant works. The findings demonstrate that Ash'arite had already gained

Funding:
This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or non-profit sectors.

Competing interest: The author(s) have declared that no competing interest exist.

considerable traction among Maliki scholars in the al-Maghrib and al-Andalus long before the rise of Ibn Tumart. This scholarly circle was characterized by expertise in Maliki jurisprudence, Hadith sciences, and rational theology. Moreover, the analysis of Ibn al-'Arabi's intellectual career reveals that the most significant challenge confronting the Maliki-Ash'ari community during the Almoravid era was the ascendancy of literalism in jurisprudence and theology advanced by the Zahirites, Hanbalites, and some Maliki jurists within the Murabitun administration.

Keywords: Ash'ari School; Ibn Tumart; *'ilm al-kalam*; figurative interpretation; literalist.

Khulasah

Makalah ini mengkaji penyebaran mazhab Ash'ari di al-Maghrib dan al-Andalus, sekaligus menilai secara kritis naratif yang mengatakan bahawa mazhab itu tidak dikenali di dunia Islam bahagian barat sebelum revolusi Ibn Tumart pada abad ke-6H/12M. Naratif tersebut turut mendakwa bahawa umat Islam di kawasan tersebut sebelumnya mengamalkan pendekatan akidah yang memusuhi ilmu kalam. Kajian ini menjadikan analisis biografi dan sumbangan Abu Bakr Ibn al-'Arabi (468-543H/1078-1178M), seorang ulama Maliki-Ash'ari sebelum Ibn Tumart, sebagai kajian kes untuk mengenal pasti kedudukan mazhab Ash'ari pada era Murabitun dan cabaran yang dihadapi. Kajian ini bersifat kualitatif dan menggunakan metode prosopografi serta analisis dokumen. Data dikutip dari buku sejarah, kamus biografi dan pelbagai karya tulis Ibn al-'Arabi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa mazhab Ash'ari telah mendapat sambutan dalam kalangan ulama mazhab Maliki di al-Maghrib dan al-Andalus lama sebelum kelahiran Ibn Tumart. Kalangan tersebut ditandai dengan kemahiran dalam fiqh Maliki, ilmu hadith dan ilmu kalam. Analisis kehidupan Ibn al-'Arabi turut mendedahkan bahawa cabaran terbesar yang dihadapi oleh komuniti Maliki-Ash'ari pada era

Umar Muhammad Noor, "Cabaran Aliran Literalis pada Era Murabitun: Peranan Ibn al-'Arabi al-Maliki terhadap Pengukuhan Ash'ariyyah di al-Maghrib dan al-Andalus," *Afkar* Vol. 28 No. 1 (2026): 495-540

Murabitun ialah pendekatan literalis dalam wacana fiqh dan akidah yang dikembangkan oleh kalangan Zahiri, Hanbali, dan fuqaha' tradisional bermazhab Maliki dalam pentadbiran Murabitun.

Kata kunci: Mazhab Ash'ari; Ibn Tumart; ilmu kalam; takwil; literalis.

Pendahuluan

Penyebaran mazhab Ash'ari di al-Maghrib dan al-Andalus selalu digambarkan bermula selepas revolusi Ibn Tumart al-Mahdi (m. 525H/1130M), aktivis-ilmuan pengasas dinasti Muwahidun, yang berjaya meruntuhkan kerajaan Murabitun (1050-1147M).¹ Sebelum kedatangan Ibn Tumart, umat Islam di kawasan tersebut dikatakan berpegang dengan corak akidah yang memandang negatif ilmu kalam.² Naratif ini sering disandarkan kepada beberapa ahli sejarah terdahulu, antaranya ialah al-Dhahabi yang mengatakan bahawa ahli al-Maghrib semasa revolusi Ibn Tumart "berada di atas mazhab Salaf dan membenci ilmu kalam dan ahli kalam".³ Ibn Khaldun turut mengatakan bahawa Ibn Tumart adalah "orang pertama yang memasukkan pendekatan (*tarīqah*) al-Ash'ari ke al-Maghrib."⁴ Selepas beliau, al-Nasiri menegaskan bahawa ahli al-Maghrib selepas era Fatimi tidak mentakwil teks-

¹ Untuk kajian tentang sejarah hidup Ibn Tumart dan gerakannya, lihat Maribel Fierro, ed. *The New Cambridge History of Islam* (Cambridge: Cambridge University Press, 2010), 2:66.

² Lihat 'Abd al-Karīm al-Qilālī, "Dukhūl al-'Aqīdah al-Ash'ariyyah ilā Bilād al-Maghrib: Dirāsah fī al-Asbāb al-Tārīkhiyyah al-Mawḍū'iyyah," *Majallah al-Dhakhīrah li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah* 3(1) (2019), 7; 'Abd Allāh Kanūn, *al-Nubūgh al-Maghribī fī al-Adab al-'Arabī* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2013), 1:102; Ibrāhīm al-Tihāmī, *Juhūd 'Ulamā' al-Maghrib fī al-Dīfā' 'an 'Aqīdah Ahl al-Sunnah* (Beirut: Mu'assasat al-Risālah, 2005), 245.

³ Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, *al-'Ibar fī Akhbār man Ghabar* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1985), 2:422.

⁴ 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad Ibn Khaldūn, *Tārīkh Ibn Khaldūn* (Beirut: Dār al-Fikr, 2001), 6:167.

teks *mutashābihāt* sehingga kedatangan Ibn Tumart. Tokoh Ash'ari ini lalu mengajak orang ramai mentakwil teks-teks tersebut dan menghukum sesat, bahkan kafir bagi kalangan yang menyalahinya.⁵ Naratif ini seterusnya membawa kepada beberapa rumusan berani. 'Abd al-Rahman bin Salih al-Mahmud mengatakan bahawa Ibn Tumart adalah orang yang "membuka pintu bagi aplikasi takwil versi ahli kalam di al-Maghrib."⁶ Seorang pengkaji lain turut mendakwa bahawa "tidak diketahui seorang pun ulama Maliki yang berakidah Ash'ari sebelum kehadiran Ibn Tumart."⁷

Beberapa kajian terkemudian membuktikan bahawa mazhab Ash'ari sebenarnya telah berkembang di al-Maghrib dan al-Andalus lama sebelum kedatangan Ibn Tumart. Al-Najjar misalnya menyatakan bahawa mazhab ini telah menjadi pegangan beberapa ulama walaupun sebagai pegangan peribadi sahaja. Menurut beliau, kejayaan pengikut Ibn Tumart adalah menjadikan mazhab Ash'ari sebagai pegangan rasmi kerajaan.⁸ Berbeza dengan rumusan yang dibuat oleh Delfina Ruano yang berpandangan bahawa mazhab Ash'ari telah berasimilasi dengan mazhab Maliki di al-Maghrib dan al-Andalus sejak abad 4 H/10 M lalu menjadi pegangan separa-rasmi (*quasi-official*) pada era Murabitun. Menurut Ruano, penguasa Murabitun bukan hanya menerima mazhab Ash'ari, malah mempromosikannya kepada orang ramai.⁹ Pandangan ini

⁵ Ahmad bin Khālid al-Nāṣirī, *al-Istiḡṣā' li Akhbār Duwal al-Maghrib al-Aqṣā* (Casablanca: Dār al-Kitāb, 1997), 1:196.

⁶ 'Abd al-Rahmān bin Ṣāliḥ al-Mahmūd, *Mawqif Ibn Taymiyyah min al-Ashā'irah* (Riyadh: Maktabat al-Rushd, 1995), 646.

⁷ Ḥay bin Ṣālim al-Ḥay, *al-Tamyīz fī Bayān 'an Madhhab al-Ashā'irah Lays 'alā Manhaj al-Salaḥ al-'Azīz* (Kuwait: Ghirās, 2007), 237.

⁸ 'Abd al-Majīd al-Najjār, *al-Mahdī Ibn Tūmart* (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1983), 433.

⁹ Delfina Serrano Ruano, "Later Ash'arism in the Islamic West," in *The Oxford Handbook of Islamic Theology*, ed. Sabine Schmidtke (Oxford: Oxford University Press, 2016), 6.

disokong oleh El-Centouf yang menegaskan bahawa mazhab Ash'ari telah menjadi pegangan para ulama di al-Maghrib dan al-Andalus sebelum Ibn Tumart, sekali gus memandang lemah teori lain yang tidak selari dengannya.¹⁰

Oleh yang demikian, artikel ini akan mendedahkan kedudukan mazhab Ash'ari di al-Maghrib dan al-Andalus pada era Murabitun menerusi kajian analitik terhadap biografi Abu Bakr Ibn al-'Arabi (468-543H/1078-1178M). Ia akan menjawab persoalan tentang bagaimana mazhab Ash'ari pertama kali muncul di al-Maghrib dan al-Andalus. Bagaimana mazhab ini memainkan peranan pada era Murabitun? Siapa mereka dan apakah cabaran yang mereka hadapi? Tokoh Ibn al-'Arabi dipilih kerana beliau ialah ulama Maliki-Ash'ari terulung yang hidup pada era Murabitun sebelum Ibn Tumart. Beliau lebih dahulu menuntut ilmu di *mashriq* (dunia Islam bahagian timur) lalu pulang ke al-Maghrib dan al-Andalus untuk menyebarkan ilmu. Sebagai seorang intelektual dan aktivis, Ibn al-'Arabi terlibat secara langsung dalam peristiwa besar yang terjadi pada zamannya. Buku-buku karya tulis beliau sarat dengan tanggapan dan ulasan terhadap situasi dan pergolakan pemikiran yang beliau saksikan. Justeru, analisis tentang pemikiran Ibn al-'Arabi akan memberikan maklumat mendalam tentang Mazhab Ash'ari dan cabaran yang dihadapi oleh Asha'irah pada era Murabitun.

Metodologi Kajian

Kajian ini mengamalkan metode kualitatif yang menghimpun data daripada pelbagai sumber. Semasa membincangkan sejarah penyebaran mazhab Ash'ari di al-Maghrib dan al-Andalus, penulis mengamalkan metode prosopografi dengan mengumpulkan data daripada kamus-

¹⁰ Muḥammad El-Centouf, "Al-Madhhab al-Ash'ari bi-al-Andalus wa al-Maghrib wa Mawāqif Fuqahā' al-Dawlah al-Murābiṭiyyah Minh." In *Intishār al-Ash'ariyyah 'alā 'Ahd al-Dawlah al-Murābiṭiyyah*, ed. Jamāl 'Allāl al-Bukhṭī (Tetouan: Al-Rābiṭah al-Muḥammadiyyah li al-'Ulamā', 2019), 70–74.

kamus biografi, lalu menganalisis hubungan seorang tokoh dengan tokoh lain. Buku sejarah turut dirujuk untuk mendapatkan rincian maklumat yang diperlukan. Analisis dokumen digunakan untuk mengenalpasti pandangan akidah Ibn al-'Arabi dan pihak yang beliau kritik. Sumber utama dalam perkara ini ialah buku karya tulis Ibn al-'Arabi sendiri dan para ulama yang sezaman dengannya.

Perbahasan akan dibahagi kepada empat bahagian. Pada bahagian pertama, fokus perbincangan difokuskan kepada sejarah kedatangan mazhab Ash'ari di al-Maghrib dan al-Andalus sekaligus memperkenalkan tokoh-tokohnya. Pada bahagian kedua, penulis mengkaji kedudukan mazhab Ash'ari pada era Murabitun yang menjadi latar belakang projek pembaharuan yang diperjuangkan oleh Ibn al-'Arabi. Perbahasan dilanjutkan dengan bahagian ketiga yang mengkaji secara ringkas biografi dan sumbangan Ibn al-'Arabi terhadap perkembangan mazhab Ash'ari pada era Murabitun. Seterusnya, pada bahagian keempat, penulis menganalisis tanggapan dan reaksi Ibn al-'Arabi terhadap fenomena literalisme akidah yang dipraktikkan oleh sesetengah ulama di al-Maghrib dan al-Andalus pada masa tersebut. Artikel ini diakhiri dengan kesimpulan dan penutup.

Kedatangan Mazhab Ash'ari di al-Maghrib dan al-Andalus

Perkataan al-Maghrib (*al-Maghrib al-Aqṣā*) merujuk kepada kawasan luas di barat dunia Islam yang terletak di antara Malyanah di Afrika hingga pegunungan Sus di tepi samudera Atlantik. Kawasan ini meliputi bandar-bandar penting seperti Marrakesh, Fes, Sajalmasah, Qayrawan, Tilimsan, dan al-Mahdiyya. Penduduk kawasan ini kuat berpegang kepada mazhab Maliki.¹¹ Mereka setia kepada

¹¹ Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Maqdisī, *Aḥsan al-Taqāsīm fī Ma'rifat al-Aqālīm* (Beirut: Dār Sādir, 1991), 190. Al-Dhahabi mengingatkan bahawa istilah *Maghrib* (barat) dalam ucapan bangsa

penguasa 'Abbasiyyah yang berpusat di Baghdad sebelum 'Ubayd Allah al-Mahdi (m. 322H/934M) merebut kuasa di al-Maghrib lalu mengasaskan kerajaan Fatimi pada tahun 296H/908M. Di bawah perlindungan penguasa Fatimi, Syiah Ismailiyah menyebarkan pengaruh mereka ke seluruh negeri. Menurut al-Dhahabi, golongan ini lebih sesuai disebut sebagai ahli zindiq kerana "mencela para nabi, menghalalkan arak, dan membenarkan sujud kepada manusia. Golongan terbaik daripada mereka ialah seseorang yang mengamalkan ajaran Syiah Rafidah dan mencela sahabat Nabi."¹² Selepas Khalifah al-Mu'iz memindahkan ibu kota ke Kaherah (Mesir) pada tahun 362H/973M, pengaruh Fatimi di al-Maghrib semakin merudum lalu pupus sama sekali pada abad 5H/11M.

Sementara itu, al-Andalus ialah sebuah semenanjung yang luas di benua Eropah yang meliputi bandar-bandar utama seperti Sevilla, Granada, Cordoba dan Valencia. Negeri ini masuk dalam kekuasaan Islam sejak era Bani Umayyah menerusi ekspedisi jihad Tariq bin Ziyad (m.102H/720M) pada tahun 92H/711M. Kebanyakan umat Islam di kawasan ini bermazhab Awza'i sebelum mereka beralih kepada mazhab Maliki. Semasa al-Maghrib dikuasai oleh dinasti Fatimi, al-Andalus kekal dalam kekuasaan raja-raja Bani Umayyah yang setia kepada akidah Sunni dan mazhab Maliki.¹³ Selepas dinasti Umayyah mengalami kelemahan, kekacauan politik di al-Andalus memecahkan kawasan ini menjadi negara-negara kecil yang dikuasai oleh para penguasa tempatan (*mulūk al-*

'Ajam dan penduduk Iraq merujuk kepada Mesir dan semua negeri yang terletak di sebelah barat daripadanya. Sedangkan istilah *Mashriq* (timur) dalam penggunaan penduduk Maghrib pula merujuk kepada Mesir dan negeri-negeri selepasnya seperti Syam dan Iraq. Lihat Shams al-Dīn al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'* (Beirut: Mu'assasat al-Risālah, 1985)18:80.

¹² Jalāl al-Dīn al-Suyuṭī, *Tārīkh al-Khulafā'* (Doha: Wizārat al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 2013), 67.

¹³ Al-Maqdisī, *Aḥsan al-Taḳāsim fī Ma'rīfat al-Aqālīm*, 190.

tawā'if). Mereka menghadapi kesukaran dalam menghadapi raja-raja Kristian yang mengancam keselamatan negeri. Keadaan ini berubah selepas Sultan Yusuf bin Tashifin daripada dinasti Murabitun menyatukan al-Maghrib dan al-Andalus di bawah satu kepimpinan yang berpusat di Marrakesh.

Pemikiran akidah Abu al-Hasan al-Ash'ari telah memasuki al-Maghrib pada akhir abad ke-4H/10M, lalu menembus al-Andalus. Ulama al-Maghrib pada masa itu mengenali al-Ash'ari dan menyetujui pendekatan beliau dalam mempertahankan akidah ahli Sunnah. Mereka antaranya ialah Ibrahim bin 'Abd Allah al-Qalanisi (m. 359H/970M), Darras bin Isma'il al-Fasi (m. 357H/968M), dan Abu al-Hasan al-Qabisi (m. 403H/1012M), dan termasuk tokoh ulama al-Maghrib yang mengenali al-Ash'ari dengan baik ialah 'Abd Allah bin Abi Zayd al-Qayrawani (m. 386H/996M). Beliau mempunyai hubungan rapat dengan Ibn Mujahid, seorang murid al-Ash'ari yang menetap di Baghdad. Apabila tokoh Mu'tazilah Mesir, 'Ali bin Ahmad al-Baghdadi mengajak fuqaha' Qayrawan menganut fahaman Mu'tazilah serta mencela al-Ash'ari dan mazhabnya, Ibn Abi Zayd tampil mempertahankan al-Ash'ari melalui penghujahan yang mencerminkan penguasaan mendalam dalam ilmu kalam.¹⁴ Oleh kerana itu, Abu Bakr Muhammad bin al-Tayyib al-Baqillani menunjukkan penghormatan tinggi kepada Ibn Abi Zayd dengan memberi gelaran "guru kami" (*shaykhunā*), di samping mengiktiraf kepakarannya dalam bidang akidah (*uṣūl al-dīn*).¹⁵ Ibn Rushd turut menegaskan bahawa Ibn

¹⁴ Muḥammad 'Abd al-Laṭīf Shāfi'ī, "Mawqif al-Fuqahā' al-Mālikiyyah fī al-Gharb al-Islāmī min al-Ash'ariyyah: Ibn Abi Zayd al-Qayrawānī Namūdhajan," *Majallah al-Nawāzil al-Fiqhiyyah al-Qānūniyyah* 2 (2018), 225–249; 'Abd al-Majīd al-Najjār, *al-Mahdī Ibn Tūmart* (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1983), 434.

¹⁵ Muḥammad bin al-Ṭayyib al-Bāqillānī, *Kitāb al-Bayān 'an al-Farq Bayn al-Mu'jizāt wa al-Karāmāt wa al-Hiyal wa al-Kahānah wa al-*

Umar Muhammad Noor, "Cabaran Aliran Literalis pada Era Murabitun: Peranan Ibn al-'Arabi al-Maliki terhadap Pengukuhan Ash'ariyyah di al-Maghrib dan al-Andalus," *Afkar* Vol. 28 No. 1 (2026): 495-540

Abi Zayd menguasai prinsip-prinsip akidah mazhab Ash'ari.¹⁶

Penyebaran mazhab Ash'ari di al-Maghrib dan al-Andalus menunjukkan peningkatan signifikan pada abad ke-5H/11M. Antara tokoh penting yang dikaitkan dengan fenomena ini ialah Abu Bakr Muhammad bin al-Tayyib al-Baqillani (m. 403H/1013M). Beliau merupakan murid kepada Ibn Mujahid dan al-Bahili (kedua-duanya adalah murid al-Ash'ari). Seperti kebanyakan ulama al-Maghrib, al-Baqillani bermazhab Maliki, bahkan merupakan salah seorang tokoh terkemuka dalam mazhab tersebut di Iraq.¹⁷ Kesamaan ini menjadi salah satu faktor utama yang melancarkan penyebaran mazhab Ash'ari di al-Maghrib. Ulama al-Maghrib dikatakan sering menulis surat kepadanya untuk meminta fatwa tentang pelbagai isu. Al-Baqillani turut mengutus beberapa murid beliau ke Qayrawan untuk mengajarkan ilmu kalam dan mendidik pelajar. Dua orang di antara mereka meninggalkan pengaruh paling besar dalam perkembangan mazhab Ash'ari di al-Maghrib, iaitu al-Husayn bin Hatim al-Adhri dan Abu Tahir al-Baghdadi.¹⁸

Penyebaran mazhab Ash'ari tidak terlepas daripada sumbangan sarjana hadith bernama Abu Dhar 'Abd bin Ahmad al-Harawi (m. 434H/1043M). Beliau mempelajari ilmu kalam daripada al-Baqillani semasa menuntut ilmu di Baghdad lalu menetap di Mekah hingga akhir hayatnya.

Sihr wa al-Nārinjāt, ed. Richard Joseph McCarthy (Beirut: Al-Maktabah al-Sharqiyyah, 1958), 5.

¹⁶ Muḥammad bin Aḥmad Ibn Rushd, *Masā'il Abī al-Walīd Ibn Rushd*, ed. Muḥammad al-Ḥabīb al-Tājkanī (Beirut: Dār al-Jīl, 1993), 2:931.

¹⁷ Muḥammad bin Muḥammad Makhluḥ, *Shajarat al-Nūr al-Zakiyyah fī Ṭabaqāt al-Mālikiyyah*, ed. 'Abd al-Majīd Khayāl (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 1:138.

¹⁸ 'Abd al-Majīd al-Najjār, *al-Mahdī Ibn Tūmart*, 436; Tawfīq Mazārī 'Abd al-Ṣamad, "Athar al-Madhhab al-Ash'arī fī al-Gharb al-Islāmī Ḥattā al-Qarn al-Sādis al-Hijrī," *Majallah al-Buḥūth al-'Ilmiyyah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah* 10(3) (2018), 141.

Para pelajar dari al-Maghrib dan al-Andalus berguru dengan al-Harawi lalu membawa pulang buku-buku karangan beliau ke negeri mereka.¹⁹ *Fahrasat Ibn Khayr al-Ishbīlī*, sebuah karya bibliografik yang dihasilkan pada era Murabitun, menyebutkan sedikitnya 15 karya al-Harawi yang beredar dalam kalangan ulama al-Maghrib pada masa itu. Salah satunya adalah *Kitāb al-Sunnah* yang memperbahaskan topik akidah dengan pendekatan ilmu hadith.²⁰ Oleh kerana peranan al-Harawi dalam penyebaran mazhab Ash'ari di al-Maghrib, sesetengah ulama Maliki beraliran tradisional sangat membenci beliau. Abu Umamah al-Maliki berkata: "Semoga Allah melaknat Abu Dhar al-Harawi. Dia adalah orang pertama yang membawa ilmu kalam ke Tanah Suci dan orang pertama yang menyebarkannya kepada kalangan ahli al-Maghrib."²¹

Daripada sekian ramai murid al-Harawi, tiga nama memainkan peranan terpenting dalam penyebaran mazhab Ash'ari di al-Maghrib dan al-Andalus. Mereka ialah Abu 'Imran Musa bin 'Isa al-Fasi (m. 430H/1038M), Abu 'Amr 'Uthman bin Sa'id al-Dani (m. 444H/1053M) dan Abu al-Walid Sulayman bin Khalaf al-Baji (m. 474H/1081M). Berkaitan dengan al-Fasi, beliau berasal dari Fes (sekarang di Maghribi). Beliau memulakan tuntutan ilmu di negeri tersebut lalu bertolak ke Qayrawan dan Cordoba untuk berguru dengan al-Qabisi dan al-Asili. Beliau lalu pulang dan menetap sementara waktu di Fes. Pada tahun

¹⁹ Al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 17:557.

²⁰ Lihat Abū Bakr Muḥammad bin Khayr al-Ishbīlī, *Fahrasat Ibn Khayr al-Ishbīlī*, ed. Muḥammad Fu'ād Maṣṣūr (Tunisia: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2009), 320. Berkemungkinan ia adalah buku yang dimaksudkan al-Dhahabi apabila beliau mengatakan bahawa al-Harawi mengarang sebuah buku tentang sifat tuhan seperti pendekatan al-Bayhaqi. Lihat al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 17:559.

²¹ Aḥmad bin 'Abd al-Ḥalīm Ibn Taymiyyah, *Dar' Ta'āruḍ al-'Aql wa al-Naql*, ed. Muḥammad Rashād Sālim (Riyadh: Dār al-Kunūz al-Adabiyah, 1391 H), 2:101.

399H/1009, al-Fasi bertolak ke al-Mashriq untuk mempelajari ilmu kalam daripada al-Baqillani di Baghdad dan ilmu hadith daripada al-Harawi di Mekah. Dikatakan bahawa al-Fasi sangat mengagumi al-Baqillani. Beliau memujinya sebagai "pedang ahli sunnah pada zamannya dan imam pembela kebenaran pada masa ini."²² Al-Fasi lalu memutuskan untuk menetap di Qayrawan. Nama beliau segera dikenali sebagai ahli fiqh dan *muḥaddith* terulung di al-Maghrib. Permintaan fatwa dilayangkan kepadanya dari pelbagai pelosok negeri dan murid-murid berdatangan untuk berguru kepadanya.²³

Sebagaimana al-Fasi, Abu 'Amr al-Dani adalah seorang pakar ilmu qiraat dan hadith ternama di al-Andalus. Beliau dilahirkan pada tahun 371H/981M di Cordoba, lalu berguru dengan para ulama di kota tersebut. Kemudiannya, beliau melanjutkan pengajian di Mesir, Syam, dan Hijaz serta mendalami mazhab Ash'ari daripada Ibn al-Qabisi dan al-Harawi. Beliau turut mempelajari buku-buku Ibn Furak di bawah seliaan 'Abd al-Malik bin Hasan al-Saqali.²⁴ Salah satu karya tulis al-Dani dalam akidah masih bertahan hingga hari ini dengan tajuk *al-Risālah al-Wāfiyah li Madhhab Ahl al-Sunnah fī al-'Iṭiqādāt wa Uṣūl al-Diyānāt*. Dalam buku ini, beliau sering menukil daripada al-Baqillani yang disebut dengan gelaran "guru kami (*shaykhunā*)."²⁵ Pada tahun 399H/1009, al-Dani pulang ke

²² 'Iyād bin Mūsā, *Tartīb al-Madārik wa Taqrīb al-Masālik li Ma'rifat A'lām Aṣḥāb Mālik*, ed. Muḥammad Sālim Hāshim (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998), 7:45.

²³ Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, *Tārīkh al-Islām wa Wafayāt al-Mashāhīr wa al-A'lām*, ed. Bashshār 'Awwād Ma'rūf (Tunisia: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2003), 9:481; Muḥammad Maḥfūz, *Tarājum al-Mu'allifin al-Tūnisīyyin* (Tunisia: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1994), 4:9.

²⁴ Ibn Khayr al-Ishbīlī, *Fahrasat Ibn Khayr al-Ishbūlī*, 250.

²⁵ 'Abd Allāh bin 'Abd al-'Azīz al-Ghizzī, *al-Maṣādir al-Aṣliyyah al-Maṭbū'ah li al-'Aqīdah al-Ash'ariyyah* (Beirut: Nama Center for Research and Studies, 2018), 169.

Umar Muhammad Noor, "Cabaran Aliran Literalis pada Era Murabitun: Peranan Ibn al-'Arabi al-Maliki terhadap Pengukuhan Ash'ariyyah di al-Maghrib dan al-Andalus," *Afkar* Vol. 28 No. 1 (2026): 495-540

al-Andalus dan menetap di Denia hingga akhir hayatnya.²⁶ Kepulangan tersebut bersamaan dengan kemunculan Abu Muhammad Ibn Hazm (m. 456H/1064M) yang sedang giat mempromosikan mazhab Zahiri. Sebagaimana kebanyakan ulama al-Andalus, al-Dani memandang negatif pendekatan literalis Ibn Hazm kerana menyalahi tradisi ilmu yang telah berakar di negeri mereka. Oleh kerana itu, beliau sering terlibat dalam polemik dengan Ibn Hazm dan kedua-duanya dikatakan saling merendahkan satu sama lain.²⁷

Bagaimanapun, pukulan telak terhadap gerakan Ibn Hazm bukan berasal dari al-Dani, akan tetapi daripada al-Baji. Susulan beberapa sesi perdebatan, Ibn Hazm diusir dari Mayorka dan buku-bukunya dimusnahkan.²⁸ Al-Baji berasal daripada keluarga ilmuan yang menetap di Bajah (al-Andalus). Datuk beliau Muhammad bin Mawhab al-Qabri (m. 406H/1016M) ialah seorang ulama Ash'ari yang memiliki periwayatan buku-buku Ibn Furak menerusi sanad yang bersambung kepada pengarangnya.²⁹ Selepas menuntut ilmu di al-Maghrib dan al-Andalus, pada tahun 426H/1035, al-Baji bertolak ke Mekah untuk berguru dan berkhidmat kepada al-Harawi. Tiga tahun kemudian, beliau berpindah ke Iraq untuk belajar daripada Abu Ja'far al-Simnani (m. 444H/1053M) dan Abu Ishaq al-Shirazi (m. 476H/1083M) yang mana kedua-duanya adalah murid al-Baqillani. Semasa di Baghdad, al-Baji sempat berjumpa

²⁶ Al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 18:77–78.

²⁷ Al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 18:81.

²⁸ Muḥammad bin Ibrāhīm al-Kattānī, *al-Ijtihād wa al-Mujtahidūn bi al-Andalus wa al-Maghrib*, ed. Muḥammad Ḥamzah (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004), 73. Untuk analisis tentang pembakaran buku Ibn Ḥazm, lihat Janina M. Safran, "The Politics of Book Burning in Andalus," *Journal of Medieval Iberian Studies* 6(2) (2014): 154–155.

²⁹ Muḥammad bin 'Abd Allāh Ibn al-Abbār, *al-Takmilah li Kitāb al-Ṣilah*, ed. Bashshār 'Awwād Ma'rūf (Beirut: Dār al-Fikr, 1995), 4:144; lihat biografi Ibn Mawhab dalam al-Dhahabī, *Tārīkh al-Islām*, 9:114.

dengan al-Khatib al-Baghdadi (m. 463H/1071M), lalu saling bertukar periwayatan hadith.³⁰ Pada akhir hayatnya, al-Baji kembali ke al-Andalus sambil membawa pelbagai cabang ilmu. Ramai pelajar yang berminat untuk berguru dengannya, seperti Abu Bakr al-Tartushi (guru Ibn al-'Arabi) dan beberapa guru Qadi 'Iyad, termasuk Ibn al-Mufawwaz, Ibn Shibrin dan Abu 'Ali al-Sadafi.³¹

Memasuki akhir abad 5H/11M, semakin ramai ulama al-Maghrib dan al-Andalus yang dipastikan bermazhab Ash'ari dalam akidah. Mereka antaranya ialah Muhammad bin Sa'id al-Mayurqi yang pernah berguru dengan Imam al-Haramayn (m. 478H/1085M) lalu membawa karya tulis beliau ke al-Andalus. Al-Mayurqi pernah berkolaborasi dengan al-Baji untuk menyekat pergerakan Ibn Hazm di Mallorca.³² Begitu juga 'Ali bin al-Hasan ibn Battal al-Maliki (m. 449H/1057M), seorang murid Abu Imran al-Fasi dan penulis sebuah kitab syarah bagi *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang masih bertahan hingga hari ini. Dalam buku tersebut, Ibn Battal sering merujuk kepada ulama Asha'irah, terutamanya Ibn Furak dan al-Baqillani, dalam perbahasan akidah. Seorang lagi ahli kalam Ash'ari pada era ini ialah Abu Bakr Muhammad bin al-Hasan al-Muradi al-Hadrami (m. 489H/1096M), yang berasal dari Qayrawan dan menetap di al-Andalus. Beliau dikenali sebagai ulama yang sangat menguasai *ūsūl al-dīn* dan mengarang beberapa buku dalam topik ini.³³ Salah seorang murid beliau adalah Yusuf bin Musa al-Kalbi yang memfokuskan dirinya pada ilmu kalam mazhab Ash'ari dan merupakan salah seorang guru Qadi 'Iyad.³⁴

³⁰ Aḥmad bin Muḥammad Ibn Khallikān, *Wafayāt al-A'yān wa Anbā' Abnā' al-Zamān*, ed. Iḥsān 'Abbās (Beirut: Dār Ṣādir, 1971), 2:408.

³¹ 'Iyād bin Musa, *Tartīb al-Madārik*, 2:348.

³² Al-Dhababī, *Tārīkh al-Islām*, 10:134.

³³ Al-Dhababī, *Tārīkh al-Islām*, 10:636.

³⁴ 'Iyād bin Mūsā, *Fahrasat Shuyūkh al-Qādī 'Iyād al-Musammā al-Ghunyah*, ed. Ḥamdān al-Sharīf (Cairo: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah, 2003), 165.

Umar Muhammad Noor, "Cabaran Aliran Literalis pada Era Murabitun: Peranan Ibn al-'Arabi al-Maliki terhadap Pengukuhan Ash'ariyyah di al-Maghrib dan al-Andalus," *Afkar* Vol. 28 No. 1 (2026): 495-540

Perbincangan di atas membuktikan bahawa mazhab Ash'ari telah lama bertapak di al-Maghrib dan al-Andalus sebelum kedatangan Ibn Tumart. Nama-nama yang dinyatakan tersebut hanyalah sebahagian kecil daripada tokoh utama dalam komuniti Ash'ari di wilayah berkenaan. Pengaruh mazhab Ash'ari dilihat semakin meningkat secara signifikan pada era dinasti Murabitun, sebagaimana yang akan diperincikan dalam perbincangan seterusnya.

Mazhab Ash'ari Pada Era Murabitun

Dinasti Murabitun muncul ekoran daripada perpecahan politik yang melanda umat Islam di al-Maghrib dan al-Andalus. Perkembangannya bermula apabila Yahya bin Ibrahim al-Judali, salah seorang ketua kabilah Sanhaja di al-Maghrib, pulang daripada menunaikan ibadah haji pada tahun 427H/1035M lalu singgah di Qayrawan. Selepas menghadiri kuliah Abu 'Imran al-Fasi, al-Judali meminta tokoh Maliki-Ash'ari ini untuk mengutus seorang guru agar mengajarkan agama di negerinya. Al-Fasi lalu memilih 'Abd Allah bin Yasin al-Juzuli (m. 451H/1059M) untuk melaksanakan tugas tersebut. Bermula sebagai gerakan dakwah, usaha al-Juzuli kemudian berkembang menjadi gerakan politik. Para pengikutnya dikenali sebagai Murabitun (kalangan yang berjihad). Gerakan ini mencapai masa keemasan di bawah kepimpinan Yusuf bin Tashifin (m. 500H/1106M) yang menyatukan al-Maghrib dan al-Andalus di bawah satu pemerintahan yang berpusat di Marrakesh, sekaligus menyatakan kesetiaan kepada Khalifah 'Abbasiyyah di Baghdad.³⁵

Huraian aspek sejarah di atas menunjukkan hubungan yang rapat antara Murabitun dan mazhab Ash'ari. Berdasarkan perkara ini, al-Samad berpandangan

³⁵ Untuk sejarah kemunculan Murābiṭūn, lihat 'Abd al-Raḥmān 'Alī al-Ḥajjī, *al-Tārīkh al-Andalusī: Min al-Fath al-Islāmī Ḥattā Suqūt Gharnāṭah* (Damascus: Dār al-Qalam, 1981), 419-421; Maribel Fierro, ed. *The New Cambridge History of Islam* (Cambridge: Cambridge University Press, 2010), 2:36-40.

bahawa penubuhan kerajaan Murabitun sebenarnya merupakan usaha awal untuk menjadikan akidah Ash'ari sebagai mazhab rasmi negara.³⁶ Tidak jauh berbeza dengan rumusan tersebut, Delfina Ruano melihat mazhab Ash'ari di dunia Islam bahagian barat memasuki fasa kematangan (*maturity*) pada era Murabitun.³⁷ Sepanjang era ini, tokoh-tokoh Ash'ari menduduki posisi penting dalam masyarakat. Sebahagian daripada mereka turut memegang jawatan qadi seperti Abu al-Walid Ibn Rushd (m. 520H/1126M) di Cordoba, Ibn al-'Arabi (m. 543H/1148M) di Sevilla, dan Qadi 'Iyad (m. 544H/1149M) di Sabtah. Pemindahan ilmu dari ulama Ash'ari di timur terus berlangsung tanpa hambatan berkat tradisi "pengembaraan ke timur (*rihlah ilā al-Mashriq*)" yang dilakukan oleh para sarjana dan kaum terpelajar di al-Maghrib dan al-Andalus.

Pada masa pemerintahan Dinasti Murabitun, karya penulisan ulama Asha'irah menjadi sebahagian daripada kurikulum pembelajaran akidah dalam kalangan ulama. Ibn Khayr al-Ishbili menyenaraikan buku-buku akidah yang beliau pelajari pada era Murabitun, yang meliputi *al-Shāmil*, *al-Irshād* dan *al-Burhān* karya Imam al-Haramayn al-Juwayni. Begitu juga *al-Tasdīd ilā Ma'rifat Ṭuruq al-Tawhīd* karya al-Baji, *Risālat al-Hurrah* karya al-Baqillani, *Risālat Ibn Mujāhid* kepada ahli *al-Thaghr*, *al-Mutawassīṭ* dan *al-Muqṣiṭ* karya Ibn al-'Arabi, *I'tiqād al-Muwahhīdīn* karya Ibn Furak, *al-Wuṣūl ilā Ma'rifat al-Uṣūl fī Masā'il al-'Uqūd fī al-Sunnah* dan *al-Risālah al-Mukhtaṣarah fī Madhāhib Ahl al-Sunnah* karya al-Talamanki, serta *al-Sunnah* karya Abu Dhar al-Harawi.³⁸

Ramai tokoh besar dalam bidang ilmu kalam bermunculan pada era ini. Menurut 'Abd Allah Kanun, tiga daripadanya merupakan tokoh utama dalam penyebaran

³⁶ 'Abd al-Ṣamad, "Athar al-Madhhab al-Ash'arī fī al-Gharb al-Islāmī," 154.

³⁷ Delfina Ruano, "Later Ash'arism in the Islamic West," 5.

³⁸ Lihat Ibn Khayr al-Ishbīlī, *Fahrasat Ibn Khayr al-Ishbīlī*, 315–322.

mazhab Ash'ari di al-Maghrib, iaitu Abu al-Qasim bin Muhammad al-Ma'afiri, Yusuf bin al-Kalbi al-Darir, dan Abu Muhammad 'Abd al-Ghalib al-Salimi.³⁹ Realiti ini sekaligus menyanggah pandangan yang menetapkan bahawa aspek rasionalisme dalam Islam mengalami kemunduran yang teruk pasca al-Ghazali.⁴⁰ Sokongan kepada mazhab Ash'ari turut dinyatakan oleh para ulama dari pelbagai pengkhususan seperti pakar hadith 'Abd al-Rahman bin Khayr al-Mu'allim al-Ra'ini (m. 517H/1123M), Abu 'Ali Ibn Sukkarah al-Sadafi (m. 514H/1120M), pakar fiqh Abu 'Abd Allah al-Mazari (m. 536H/1141M), dan pakar bahasa Abu Muhammad 'Abd Allah bin Muhammad al-Batalyawsi (m. 521H/1127M).

Walaupun begitu, penyebaran pengaruh mazhab Ash'ari pada era Murabitun turut menghadapi cabaran. Penentangan terhadap mazhab Ash'ari, dan ilmu kalam secara amnya, berasal daripada kalangan fuqaha'-tradisionalis dalam pentadbiran Murabitun. Ibn Tumlus menyebut mereka dengan nama *Ahl al-Masā'il* atau *Ahl al-Furū'*.⁴¹ Sejak awal penubuhan Dinasti Murabitun, kalangan ini telah menikmati kedudukan istimewa dalam kerajaan. Sultan selalu mengambil berat pandangan mereka dalam semua perkara, akibatnya kumpulan ini mengatur sekecil-kecil urusan negara.⁴² Bercerita tentang kalangan fuqaha' ini, al-Nasiri mengatakan bahawa mereka sangat jumud dalam berpegang kepada hukum furuk dalam

³⁹ 'Abd Allāh Kannūn, *al-Nubūgh al-Maghribī fī al-Adab al-'Arabī*, 1:77.

⁴⁰ Sesetengah pengkaji termasuk Fazlur Rahman, Seyyed Hossein Nasr, dan Robert Reilly mengatakan bahawa falsafah Islam telah mati selepas kritikan al-Ghazali. Lihat sanggahan bagi pandangan ini dalam K. M. A. Haris & R. Febrian, "Post-Ghazali Islamic Philosophy in the Sunni and Shi'ite Traditions," *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 25(2) (2023), 459–498.

⁴¹ Ibn Tūmlūs, *al-Mukhtaṣar fī al-Manṭiq: Compendium on Logic*, ed. Fouad Ben Ahmed (Leiden: Brill, 2020), 85.

⁴² Al-Najjār, *al-Mahdī Ibn Tūmart*, 45.

mazhab Maliki, namun pada masa yang sama kurang memberikan perhatian kepada al-Quran dan hadith. Mereka turut membenci ilmu kalam dan mengkafirkan setiap orang yang mendalami perbahasan ilmu ini.⁴³ Berdasarkan sikap negatif mereka terhadap ilmu kalam, Yusuf Ihnanah menamakan kalangan ini *Ahl al-Taslīm wa al-Tafwīd*.⁴⁴ Beliau seolah-olah hendak menggambarkan bahawa kalangan ini menjauhkan diri daripada wacana teologi sama sekali, padahal secara realitinya, sebagai kritikan Ibn al-'Arabi nanti, kalangan ini melibatkan diri dalam wacana tersebut lalu terjerumus dalam kesilapan teruk akibat tidak mendasari perbahasan mereka dengan ilmu kalam.

Besar kemungkinan kelompok fuqaha' tradisional ini adalah yang berada di sebalik persoalan yang diajukan oleh Sultan Yusuf bin Tashifin kepada Qadi Cordoba, Abu al-Walid Ibn Rushd (m. 520H/1126M). Baginda bertanyakan tentang status tokoh-tokoh mazhab Ash'ari, malah beberapa nama turut disebutkan secara spesifik, iaitu Abu al-Hasan al-Ash'ari, Abu Ishaq al-Isfarayini, Ibn Furak, Imam al-Haramayn, dan al-Baji, sama ada mereka merupakan tokoh aliran sesat ataupun tidak. Dan apakah hukum bagi seseorang yang mencela dan mengkafirkan mereka? Ibn Rushd menegaskan bahawa semua ulama yang disebutkan itu ialah imam-imam yang wajib diteladani. Mereka adalah kalangan yang membela agama, membatalkan kesesatan, dan menjelaskan kemusykilan. Kepakaran mereka dalam *uṣūl al-dīn* melayakkan mereka untuk dipandang sebagai ulama yang sumbangan dan jasanya mesti diiktiraf. Ibn Rushd seterusnya menegaskan bahawa hanya orang jahil dan fasik sahaja yang mencela

⁴³ 'Abd al-Wāḥid al-Marrākushī, *al-Mu'jib fī Talkhīṣ Akhbār al-Maghrib* (Beirut: Maktabah al-Ṣaydā, 2006), 131.

⁴⁴ Yūsuf Ihnānah, *Taṭawwur al-Madhab al-Ash'arī fī al-Gharb al-Islāmī* (Rabat: Wizārat al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 2003), 41.

semua ulama ini, justeru mereka wajib disekat dan dihukum berat sehingga bertaubat.⁴⁵

Pengaruh fuqaha' tradisional nampaknya semakin kuat selepas 'Ali bin Yusuf bin Tashifin (m. 537H/1143M) menaiki tahta. Penguasa baharu ini dikatakan sangat bergantung kepada fuqaha' tradisional sehingga beliau tidak memutuskan sesuatu perkara sebelum mendapat persetujuan mereka. Oleh itu, sepanjang tempoh pemerintahan baginda, kelompok fuqaha' diberikan kedudukan yang sangat tinggi dalam struktur pentadbiran. Implikasinya, kitab-kitab fiqh Maliki dijadikan sebagai rujukan utama negara sehinggakan al-Quran dan Sunnah jarang sekali dirujuk secara langsung.⁴⁶ Pada masa yang sama, ahli kalam dan tasawuf falsafi sangat dibenci. Kalangan fuqaha' ini pernah menggalakkan Sultan 'Ali memusnahkan semua naskah *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* yang dijumpai di seluruh negeri. Meskipun mendapat penentangan daripada sesetengah ulama, Sultan melaksanakan usulan ini pada tahun 503H/1109M.⁴⁷ Baginda turut menyekat pergerakan tokoh-tokoh tasawuf seperti Ibn al-'Arif, al-Mayurqi, dan Ibn Barrajan serta menahan mereka di Marrakesh.⁴⁸ Apabila Ibn Barrajan meninggal dunia, Sultan melarang orang ramai mensolatkannya.⁴⁹

Kepatuhan Sultan kepada orang-orang di sekelilingnya menjadi salah satu sebab keruntuhan dinasti Murabitun. Sejarahwan, al-Yasa' bin Hazm mengatakan bahawa sesetengah fuqaha' dan pegawai Sultan 'Ali bin Yusuf melakukan khianat untuk kepentingan peribadi

⁴⁵ Ibn Rushd, *Masā'il Abī al-Walīd Ibn Rushd*, 1:718.

⁴⁶ Al-Dhababī, *Tārīkh al-Islām*, 11:672.

⁴⁷ Untuk rincian peristiwa ini, lihat 'Abd Allāh Kannūn, *al-Nubūgh al-Maghribī fī al-Adab al-'Arabī*, 1:69–70.

⁴⁸ 'Abd Allāh Kannūn, *al-Nubūgh al-Maghribī fī al-Adab al-'Arabī*, 1:72.

⁴⁹ Makhlūf, *Shajarat al-Nūr al-Zakiyyah*, 1:194.

Umar Muhammad Noor, "Cabaran Aliran Literalis pada Era Murabitun: Peranan Ibn al-'Arabi al-Maliki terhadap Pengukuhan Ash'ariyyah di al-Maghrib dan al-Andalus," *Afkar* Vol. 28 No. 1 (2026): 495-540

mereka.⁵⁰ Pada masa yang sama, gerakan Muwahhidun yang diasaskan oleh Ibn Tumart (m. 524H/1130M) semakin hari semakin mendapat sokongan daripada ramai. Untuk melegitimasi perjuangannya, Ibn Tumart mengatakan bahawa penguasa dan fuqaha' Murabitun adalah kumpulan Mujassimah yang halal diperangi.⁵¹ Selepas kematian Ibn Tumart, perjuangan beliau dilanjutkan oleh 'Abd al-Mu'min bin 'Ali al-Qaysi (m. 558H/1163M) yang berjaya membawa Muwahhidun kepada pelbagai kemenangan di medan perang. Sultan 'Ali bin Yusuf dan para penggantinya gagal menghadapi cabaran ini sehingga satu per satu wilayah jajahan mereka jatuh ke tangan Muwahhidun. Kemuncaknya, pada tahun 540H/1145M Marrakesh (ibu kota Murabitun) berjaya ditawan. Kekuasaan Muwahhidun seterusnya berkembang ke negeri-negeri di al-Andalus sehingga menghapuskan sepenuhnya pengaruh Murabitun.

Dalam konteks ini, Ibn al-'Arabi muncul sebagai tokoh ilmuwan progresif yang berusaha membawa angin perubahan dalam landskap sosio-politik Murabitun. Kesarjanaan beliau memberikan gambaran terperinci tentang tahap keilmuan semasa fasa kestabilan politik era Murabitun di al-Maghribi dan al-Andalus, sehinggalah detik keruntuhan dinasti tersebut di tangan Muwahhidun.

Biografi Ringkas Ibn al-'Arabi

Beliau adalah Abu Bakr Muhammad bin 'Abd Allah bin Muhammad bin 'Abd Allah al-Ma'afiri. Nisbah al-Ma'afiri merujuk kepada sebuah suku di Yaman sekaligus menunjukkan bahawa beliau berdarah Arab. Ibn al-'Arabi dilahirkan di Sevilla (Ishbīliyyā) pada 22 Syaaban 468H/1076M. Ayah beliau 'Abd Allah bin Muhammad adalah seorang sarjana sekali gus wazir (menteri) bagi raja

⁵⁰ Al-Dhahabī, *Tārīkh al-Islām*, 11:672.

⁵¹ Al-Nāṣirī, *al-Istiqṣā' li Akhbār Duwal al-Maghrib al-Aqṣā*, 2:115.

Sevilla yang bernama Mu'tamad bin 'Abbad. Meskipun sibuk dengan tugas beliau dalam pentadbiran, ayah Ibn al-'Arabi tetap mengambil berat aspek pendidikan anaknya. Beliau mengupah tiga orang guru yang secara khas mengajarkan al-Quran, bahasa Arab, dan matematik kepada anaknya. Berkat kecerdasan Ibn al-'Arabi, beliau telah menghafal seluruh al-Quran pada usia 9 tahun. Beliau turut mahir dalam ilmu qiraat dan sastera Arab sebelum berusia 16 tahun.

Pada tahun 484H/1092M, Ibn al-'Arabi menyaksikan pasukan Murabitun merampas kuasa di Sevilla dan menyebabkan ramai korban jiwa. Raja al-Mu'tamad dan ahli keluarganya ditempatkan dalam tahanan tanpa bekalan makanan yang mencukupi.⁵² Sebagai seorang petinggi kerajaan, ayah Ibn al-'Arabi turut menghadapi masa-masa yang sukar. Jawatan beliau dilucutkan dan semua harta beliau dirampas. Beliau lalu meminta kebenaran Sultan Yusuf bin Tashifin untuk meninggalkan al-Andalus untuk menunaikan haji sekaligus menyampaikan baiat Sultan kepada Khalifah 'Abbasiyyah di Baghdad. Penguasa baharu ini mengagubkan permintaan tersebut.

Ibn al-'Arabi dan ayahnya meninggalkan Sevilla pada tahun 485H/1093M.⁵³ Mereka mengambil jalan darat menuju Tunis, Mahdiyya, dan Qayrawan. Selepas itu, mereka mencuba mengambil jalan laut menuju Hijaz, namun terkandas di pantai Barqa. Perjalanan seterusnya diteruskan melalui Mesir ke Syam hingga tiba di Iraq. Setiap kali memasuki suatu negeri, Ibn al-'Arabi mengambil peluang untuk mengaji kepada para ulama di negeri tersebut. Sebahagian daripada mereka adalah para ulama bermazhab Ash'ari seperti Abu 'Abd Allah

⁵² 'Alī bin Muḥammad Ibn al-Athīr, *al-Kāmil fī al-Tārīkh* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1997), 8:342.

⁵³ Sa'īd A'rāb, *Ma'a al-Qādī Abī Bakr Ibn al-'Arabī* (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1987), 13.

Umar Muhammad Noor, "Cabaran Aliran Literalis pada Era Murabitun: Peranan Ibn al-'Arabi al-Maliki terhadap Pengukuhan Ash'ariyyah di al-Maghrib dan al-Andalus," *Afkar* Vol. 28 No. 1 (2026): 495-540

Muhammad bin Musa bin 'Ammar al-Kala'i di Mayorka, Muhammad bin 'Ali al-Mazari di Mahdiyya, Abu Bakr Muhammad bin al-Walid al-Tartushi (m. 520H/1126M) di Baitul Maqdis, Abu Bakr Muhammad bin Ahmad al-Shashi (m. 507H/1114M) dan Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (m. 505H/111M) di Baghdad. Semasa menetap di kota suci Mekah, Ibn al-'Arabi turut berguru kepada al-Husayn bin 'Ali al-Tabari (m. 498H/1105M), seorang *muhaddith*-Ash'ari yang bergelar Imam Haramayn.⁵⁴

Daripada semua ulama yang dijumpai, tiga tokoh ilmunan meninggalkan pengaruh paling besar dalam keilmuan Ibn al-'Arabi dan nama mereka selalu muncul dalam buku-buku beliau. Mereka adalah al-Shashi, al-Tartushi, dan al-Ghazali. Daripada ketiga-tiganya, al-Ghazali menempati kedudukan yang paling tinggi. Ibn al-'Arabi selalu merujuk kepada beliau dengan gelaran *Dānishmand* (Sang Sarjana). Beliau berjumpa dengan al-Ghazali pada tahun 490H/1097 di Ribat Abu Sa'ad yang terletak berhampiran dengan Madrasah Nizamiah di Baghdad. Pada saat itu, al-Ghazali telah meninggalkan semua pangkat duniawi dan memilih jalan sufi. Ibn al-'Arabi berpeluang berdampingan dengannya, lalu mendengar pembacaan buku-bukunya dan berdiskusi dengannya selama kurang lebih tiga tahun.⁵⁵

Pada tahun 495H/1102 Ibn al-'Arabi pulang ke Sevilla. Beliau membawa bersamanya pelbagai cabang ilmu dan koleksi buku yang banyak. Beliau pernah berkata:

⁵⁴ Lihat riwayat hidup al-Ṭabarī dalam al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 19:203. Kedudukan beliau dalam mazhab Ash'arī dinyatakan oleh Ibn 'Asākir, al-Sam'ānī, dan al-Subkī. Lihat 'Alī bin al-Ḥasan Ibn 'Asākir, *Tabyīn Kadhib al-Muftarī fīmā Nasaba ilā al-Imām Abī al-Ḥasan al-Ash'arī* (Damascus: Dār al-Taqwā, 2018), 534; Yasīn Ghānim Jāsīn al-'Urayḍī, *Ṭabaqāt al-Ashā'irah: A'yān Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2024), 134.

⁵⁵ Sa'īd A'rāb, *Ma'a al-Qāḍī Abī Bakr Ibn al-'Arabī*, 219.

"Tiada orang yang pulang dengan membawa ilmu sebanyak yang aku bawa melainkan al-Baji."⁵⁶ Sebahagian daripadanya adalah buku-buku Imam Haramayn al-Juwayni dan koleksi terbaharu al-Ghazali.⁵⁷ Berkat keilmuannya, Ibn al-'Arabi berjaya memulihkan semula kedudukan keluarga beliau di mata rakyat Sevilla dan penguasa Murabitun.⁵⁸ Beliau membuka diri untuk para pelajar yang berdatangan untuk menghadiri kuliah dan pembacaan kitab-kitab ilmu yang beliau anjurkan. Selain itu, beliau turut ikut serta dalam aktiviti sosio-politik pada masa itu dengan berpartisipasi dalam ekspedisi jihad menentang pasukan Kristian.

Meskipun memiliki kelayakan yang mencukupi, Ibn al-'Arabi tidak memegang jawatan kadi melainkan selepas tiga dekad kepulangannya ke Sevilla. Besar kemungkinan pertembungan pemikiran yang berlaku antara Ibn al-'Arabi dan fuqaha' rasmi dalam pentadbiran Murabitun menjadi penghalang antara beliau dan jawatan ini. Menurut Safran, kehadiran Ibn al-'Arabi di al-Andalus menjadi ancaman kepada kedudukan fuqaha' kerajaan, terutamanya *Qādī al-Jamā'ah* (Ketua Kadi) iaitu Muhammad bin 'Ali bin Hamdin (m. 1114). Persaingan tersebut membawa kepada pengeluaran fatwa kerajaan yang memerintahkan pembakaran semua naskhah *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* di seluruh negeri. Fatwa berkenaan dikeluarkan oleh Ibn Hamdin dengan persetujuan para fuqaha' di Cordoba, lalu dilaksanakan oleh Sultan 'Ali bin Yusuf pada tahun 503H/1109M.⁵⁹ Sebagai orang terpenting yang

⁵⁶ Ahmad bin Muḥammad al-Maqqarī, *Nafh al-Tib min Ghuṣn al-Andalus al-Raṭīb* (Beirut: Dār Sādir, 1968), 2:29.

⁵⁷ Iḥnānah, *Taṭawwur al-Madhhab al-Ash'arī fī al-Gharb al-Islāmī*, 101.

⁵⁸ Kenneth Garden, "The Rihla and Self-Reinvention of Abu Bakr Ibn al-'Arabi," *Journal of the American Oriental Society* 135(1) (2015), 1–17.

⁵⁹ Untuk analisis berkenaan peristiwa ini, lihat Janina M. Safran, "The Politics of Book Burning in Andalus," *Journal of Medieval Iberian Studies* 6(2) (2014): 157–158; Nora S. Eggen, "A Book Burner or

memperkenalkan karya-karya al-Ghazali di al-Andalus, Ibn al-'Arabi dikatakan menghadapi tribulasi (*mihnah*) dan keadaan yang sukar pada masa itu.⁶⁰

Beberapa lama kemudian, keadaan nampaknya semakin memihak kepada Ibn al-'Arabi. Beliau dilantik sebagai ahli majlis syura yang wajib dirujuk oleh para kadi sebelum sesuatu hukuman diputuskan. Pada tahun 528H/1134M, beliau telah dilantik menjadi kadi Sevilla berdasarkan surat pelantikan rasmi daripada Sultan 'Ali bin Yusuf di Marrakesh.⁶¹ Meskipun pada masa itu beliau telah mencapai usia 60 tahun, Ibn al-'Arabi melaksanakan tanggung jawab ini dengan baik. Beliau dikatakan tegas kepada kalangan yang zalim dan menzahirkan kasih sayang kepada kaum miskin.⁶² Beliau, bagaimanapun, memegang jawatan ini tidak lama. Pada tahun 529/1135, beliau terpaksa melepaskan jawatan ini selepas kekacauan yang berlaku di Sevilla. Menurut Ibn 'Idhari, kekacauan tersebut didalangi oleh kalangan jahat yang tidak berpuas hati dengan ketegasan Ibn al-'Arabi kepada mereka.⁶³ Namun al-Maqqari menceritakan bahawa kekacauan tersebut

Not? History and Myth: Revisiting al-Qādī 'Iyād and the Controversies over al-Ghazālī in The Islamic West," *Journal of Arabic and Islamic Studies* 18 (2018), 97–99. Delfina Ruano menggali sebab-sebab di sebalik pandangan negatif sebahagian besar ulama Maghrib dan Andalus kepada al-Ghazali pada masa itu menerusi fatwa yang diterbitkan Ibn Rushd al-Jadd dalam Delfina Serrano Ruano, "Why Did the Scholars of al-Andalus Distrust al-Ghazālī? Ibn Rushd al-Jadd's Fatwā on Awliyā' Allāh," *Der Islam* 83(1) (2006), 137–156.

⁶⁰ Fouad Ben Ahmed, *Ibn Ṭumlūs (Alhagiag bin Thalmus d. 620/1223), Compendium on Logic (Al-Mukhtaṣar fī al-Manṭiq)* (Casablanca: Manshūrāt al-Dar al-Bayda, 2017), 86.

⁶¹ Abū al-Ḥasan bin 'Abd Allāh al-Mālaqī, *Tārīkh Quḍāt al-Andalus* (Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, 1983), 106; Ahmad bin Muḥammad Ibn 'Idhārī, *Al-Bayān al-Mughrib fī Ikhtīṣār Akhbār Mulūk al-Andalus wa al-Maghrib* (Tunisia: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2013), 3:77.

⁶² Al-Mālaqī, *Tārīkh Quḍāt al-Andalus*, 106.

⁶³ Ibn 'Idhārī, *al-Bayān al-Mughrib fī Ikhtīṣār Akhbār Mulūk al-Andalus wa al-Maghrib*, 3:78.

berlaku akibat keputusan Ibn al-'Arabi yang mewajibkan rakyat menyumbangkan kulit haiwan korban mereka untuk membiayai perbaikan tembok negeri.⁶⁴

Semasa kekacauan berlaku, Ibn al-'Arabi terpaksa berhijrah ke Cordoba dan menetap di negeri ini sementara waktu. Selepas keadaan kembali pulih, beliau pulang ke Sevilla dan melepaskan jawatan kadi seterusnya memberikan tumpuan kepada ilmu dan mendidik pelajar. Ramai di antara murid-murid Ibn al-'Arabi yang seterusnya menjadi tokoh-tokoh ilmuwan penting pada era Murabitun dan Muwahhidun seperti Muhammad bin Khayr al-Ishbili (m. 579H/1179M), Khalaf bin 'Abd al-Malik Ibn Bashkuwal al-Ansari (m. 578H/1183M), Abu al-Qasim 'Abd al-Rahman bin 'Abd Allah al-Suhayli (m. 581H/1185M), Abu Ishaq Ibrahim Ibn Qarqul (m. 569H/1174M), dan ramai lagi.

Ibn al-'Arabi adalah seorang sasterawan, pakar fiqh yang berdarjat mujtahid, sekaligus seorang *muḥaddith* yang mencapai darjat *ḥāfiẓ* dan memiliki sanad tertinggi.⁶⁵ Menurut Ruano, beliau merupakan cerminan kemuncak ulama Ash'ari di al-Andalus pada masa tersebut.⁶⁶ Sebagai ilmuwan ulung, Ibn al-'Arabi mengarang pelbagai buku yang berkaitan dengan ilmu hadith, fiqh, *uṣūl* (akidah), *'ulūm al-Qur'ān*, sastera, nahu, dan sejarah. Semua buku tersebut diajarkan kepada para pelajar di Sevilla dan Cordoba. Ibn Khayr al-Ishbili merekodkan sekurang-kurangnya 125 buku Ibn al-'Arabi yang beliau terima secara langsung daripada pengarangnya secara bacaan ataupun ijazah. Khas dalam ilmu akidah, Ibn al-'Arabi menerbitkan *al-Amad al-Aqṣā*, *al-Mutawassit fi al-I'tiqād*, dan *al-Musqit*. Beliau turut menulis *al-'Awāṣim min al-Qawāsīm*, *Qānūn al-Ta'wīl*, *Sirāj al-Murīdīn* dan *al-Mushkilayn*. Dalam semua karya tersebut, Ibn al-'Arabi

⁶⁴ Al-Maqqarī, *Nafḥ al-Tib min Ghuṣn al-Andalus al-Raṭīb*, 2:27.

⁶⁵ Al-Dhahabī, *Tārīkh al-Islām*, 11:834.

⁶⁶ Delfina Ruano, "Later Ash'arism in the Islamic West," 6.

mengamalkan prinsip dan kaedah ulama Ashā'irah walaupun terkadang memilih pandangan yang berbeza kerana keluasan ilmunya.

Ketika berusia 73 tahun, Ibn al-'Arabi menyaksikan sekali lagi peralihan kuasa yang berlaku di Sevilla. Selepas pengepungan ketat, pasukan Muwahhidun berjaya merampas Sevilla daripada kalangan Murabitun pada bulan Syaaban tahun 541H/1145M. Peristiwa tersebut kembali mengorbankan ramai penduduk negeri termasuk anak Ibn al-'Arabi yang bernama 'Abd Allah.⁶⁷ Rakyat Sevilla seterusnya mengutus sebuah delegasi khas untuk menyatakan baiat setia kepada Sultan 'Abd al-Mu'min di Marrakesh. Delegasi yang diketuai oleh Ibn al-'Arabi ini tiba di Marrakesh pada tahun 542H/1146M, namun tidak dapat berjumpa dengan Sultan yang sedang sibuk menghadapi pemberontakan Muhammad al-Masi. Selepas menunggu lebih setahun, Ibn al-'Arabi dan rombongannya diterima menghadap Sultan di istana.

Pertemuan antara Ibn al-'Arabi dan Sultan 'Abd al-Mu'min berlaku pada Hari Raya Aidil Adha tahun 543H/1148M. Sultan memuliakan Ibn al-'Arabi kerana keilmuan dan kerapatannya dengan al-Ghazali. Baginda turut bertanya kepadanya tentang Ibn Tumart yang juga merupakan murid al-Ghazali seperti dirinya. Ibn al-'Arabi menjawab: "Aku tidak pernah berjumpa dengannya, namun pernah mendengar tentangnya." Sultan bertanya: "Apa pandangan al-Ghazali tentang beliau?" Ibn al-'Arabi menjawab, "Beliau berkata, 'Orang Barbar ini akan menang.'" Sultan seterusnya menulis surat pengampunan bagi rakyat Sevilla dan menitahkan agar harta mereka yang dirampas dikembalikan.⁶⁸

⁶⁷ Muḥammad 'Abd Allāh 'Inān, *Dawlat al-Islām fī al-Andalus* (Cairo: Maktabah al-Khānjī, 1997), 3:328.

⁶⁸ Al-Nāṣirī, *Al-Istiṣā' li Akhbār Duwal al-Maghrib al-Aqṣā*, 2:117. Kisah ini secara tidak langsung menafikan dakwaan al-Maqqarī bahawa Ibn al-'Arabī memiliki hubungan rapat dengan Ibn Tumart

Umar Muhammad Noor, "Cabaran Aliran Literalis pada Era Murabitun: Peranan Ibn al-'Arabi al-Maliki terhadap Pengukuhan Ash'ariyyah di al-Maghrib dan al-Andalus," *Afkar* Vol. 28 No. 1 (2026): 495-540

Rombongan Ibn al-'Arabi bergerak pulang ke Sevilla pada bulan Jumadil Akhir 543H/1148M. Semasa tiba di Maghilah, sebuah tempat berhampiran dengan Fes, Ibn al-'Arabi jatuh sakit lalu meninggalkan dunia pada usia 75 tahun. Jenazahnya lalu dibawa ke Fes dan dimakamkan di sana.⁶⁹

Ibn al-'Arabi dan Cabaran Literalistik

Pada masa Ibn al-'Arabi, al-Maghrib dan al-Andalus tidak dinafikan didominasi oleh kalangan Ahli Sunnah. Namun, ia tidak bermakna bahawa aliran akidah lain tidak berkembang di kawasan ini. Beberapa ulama al-Andalus dikatakan menganut fahaman Mu'tazilah seperti 'Abd al-A'la bin Wahb (m. 261H/874M), Muhammad bin 'Abd Allah bin Masarrāh (m.319H/931M), dan Mundhir bin Sa'id al-Baluti (m.355H/965M).⁷⁰ Sesetengah yang lain dikatakan terlibat dalam fahaman antropomorfisme (*tashbīh*), seperti Maslamah bin Qasim (m. 353H/964M). Ulasan kritis berkaitan dengan pegangan akidah mereka dapat dijumpai dalam pelbagai karya tulis Ibn al-'Arabi beserta penegasan tentang hukum "sesat" ke atas mereka.⁷¹

Bagaimanapun, perhatian terbesar Ibn al-'Arabi, menurut penulis, diarahkan kepada pemikiran literalistik dan kaum literalis yang pada masa itu sedang berkembang dan menarik ramai pengikut. Literalistik (*ẓāhiriyyah*) ialah aliran pemikiran yang membataskan sumber agama hanya kepada *nuṣūṣ* (teks-teks wahyu), iaitu al-Quran, hadith dan ijmak. Mereka menolak semua bentuk penggunaan rasionaliti seperti *qiyās*, *istihsān*, *al-maṣlahah al-mursalah*,

semasa menuntut ilmu di al-Mashriq (timur). Lihat al-Maqqarī, *Nafh al-Ṭib min Ghuṣn al-Andalus al-Raṭīb*, 2:27.

⁶⁹ Al-Maqqarī, *Nafh al-Ṭib min Ghuṣn al-Andalus al-Raṭīb*, 2:30.

⁷⁰ Lihat Josef van Ess, *Theology and Society in the Second and Third Centuries of the Hijra* (Leiden: Brill, 2019), 4:306–308.

⁷¹ Lihat misalnya Muḥammad bin 'Abd Allāh Ibn al-'Arabī, *al-'Awāṣim min al-Qawāṣim (al-Naṣṣ al-Kāmil)* (Cairo: Dār al-Turāth, t.t.), 368.

Umar Muhammad Noor, "Cabaran Aliran Literalis pada Era Murabitun: Peranan Ibn al-'Arabi al-Maliki terhadap Pengukuhan Ash'ariyyah di al-Maghrib dan al-Andalus," *Afkar* Vol. 28 No. 1 (2026): 495-540

dan lain-lain.⁷² Semasa berinteraksi dengan *nuṣūṣ*, kelompok ini berpegang teguh pada makna literal sekali gus mengabaikan bentuk-bentuk pentafsiran figuratif seperti *majāz*, *kināyah*, dan kaedah linguistik seumpamanya.⁷³ Aliran literalis pertama kali masuk ke al-Andalus menerusi 'Abd Allah bin Qasim al-'Absi (m. 292H/904M) yang pulang daripada menuntut ilmu di Iraq. Beliau adalah murid Dawud al-Zahiri (m. 270H/883 M), pengasas mazhab Zahiri, dan orang pertama yang membawa buku-buku karangannya ke Cordoba. Akibat penentangan majoriti ulama Andalus yang bermazhab Maliki, mazhab Zahiri berkembang di al-Andalus dalam kalangan yang terhad. Mazhab ini naik ke permukaan dengan kemunculan Abu Muhammad Ibn Hazm yang petah berhujah sehingga menarik ramai pengikut.⁷⁴

Menurut Ibn al-'Arabi, aliran literalisme sebuah pemikiran yang menyimpang dan berbahaya sepertimana pendekatan esoterisme (*bāṭiniyyah*).⁷⁵ Oleh yang demikian, beliau selalu mengingatkan keburukan literalisme setiap kali menjumpai peluang. Sebagai contoh, semasa mengulas kisah Nabi Adam dan buah larangan dalam al-Quran, Ibn al-'Arabi menukil pandangan yang mengatakan bahawa Nabi Adam tidak memakan buah daripada pokok larangan tersebut. Sebaliknya, Iblis meyakinkan Nabi

⁷² Muḥammad Abū Zahrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah fī al-Siyāsah wa al-'Aqā'id wa Tārīkh al-Madhāhib al-Fiqhiyyah* (Cairo: Dār al-Fikr al-'Arabī, 1996), 506.

⁷³ W. Montgomery Watt, *Islamic Philosophy and Theology* (Edinburgh: Edinburgh University Press, 1985); Ṣāliḥ bin Sa'īd al-Jazā'irī, *al-Imām Abū Muḥammad Ibn Hazm wa Uṣūluḥ fī Taṣḥīḥ al-Aḥādīth wa Ta'līhā min Khilāl Kitābih al-Muḥallā* (Beirut: Dār Ibn Hazm, 2009), 117–119.

⁷⁴ Tentang sejarah kedatangan mazhab Zahiri di Andalus, lihat Camilla Adang, "The Beginnings of the Zāhirī Madhhab in al-Andalus," in *The Islamic School of Law: Evolution, Devolution, and Progress*, ed. Peri Bearman, Rudolph Peters & Frank E. Vogel (Cambridge: Harvard University Press, 2005), 117–125.

⁷⁵ Ibn al-'Arabī, *al-'Awāṣim min al-Qawāsim*, 208.

Adam untuk memakan buah dari pokok yang sejenis dengan pokok itu. Dengan kata lain, Iblis meyakinkan Nabi Adam bahawa larangan Allah hanya berkaitan dengan pokok spesifik dan tidak berkaitan dengan yang sejenis dengannya. Jadi, Iblis menjerumuskan Nabi Adam ke dalam maksiat menerusi virus literalisme. Dari sini, Ibn al-'Arabi lalu menegaskan bahawa "literalisme adalah maksiat pertama yang digunakan untuk membangkang Allah, maka jauhilah ia. Mengambil pendekatan literalistik akan meruntuhkan syariat sebagaimana yang telah saya jelaskan dalam pelbagai tempat terutamanya kitab *al-Nawāhī 'an al-Dawāhī*."⁷⁶

Perbincangan Ibn al-'Arabi tentang literalisme dibina di atas pengalaman beliau berinteraksi dengan tokoh-tokoh utama aliran ini semasa mengembara di al-Mashriq dan selepas pulang ke al-Andalus. Pengalaman ini membuat beliau memahami secara mendalam semua penghujahan mereka sekali gus strategi untuk menghadapinya. Secara amnya, beliau melihat literalisme berlaku pada wacana fiqh dan akidah. Ulasan Ibn al-'Arabi tentang literalis fiqh terfokus kepada mazhab Zahiri yang diasaskan oleh Dawud bin 'Ali di Baghdad lalu dikembangkan oleh Ibn Hazm di Andalus. Pengikut mazhab ini cenderung menuntut dalil yang spesifik daripada al-Quran atau hadith bagi setiap isu dalam perbincangan hukum. Mereka juga menolak penggunaan qiyās serta bentuk-bentuk rasionaliti tertentu, di samping mengkritik taqlid dan menegaskan kewajipan ijtihad yang berasaskan rujukan langsung kepada al-Quran dan Sunnah.⁷⁷ Pada masa Ibn al-'Arabi, pemikiran ini telah berkembang sehingga mencabar dominasi mazhab Maliki di al-Maghrib dan Andalus.

⁷⁶ Muḥammad bin 'Abd Allāh Ibn al-'Arabī, *Aḥkām al-Qur'ān* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 1:29.

⁷⁷ Al-Jazā'irī, *al-Imām Abū Muḥammad Ibn Ḥazm wa Uṣūluḥ fī Taṣḥīḥ al-Aḥādīth wa Ta'līhā*, 117–119.

Seperti ulama Maliki-Ash‘ari sebelumnya, Ibn al-‘Arabi memandang negatif terhadap mazhab Zahiri. Beliau bahkan menyebut pengikut mazhab ini sebagai “keldai” yang telah menyimpang daripada jejak langkah Salaf.⁷⁸ Berkenaan Dawud bin ‘Ali, Ibn al-‘Arabi tidak mengiktiraf produk ijthad beliau terutamanya apabila melanggar kesepakatan ulama.⁷⁹ Sikap kritis Ibn al-‘Arabi lebih tegas ditujukan kepada Ibn Hazm dan para pengikutnya. Beliau melihat puak Hazmiyyah (pengikut Ibn Hazm) memiliki sokongan politik daripada sesetengah penguasa di Andalus sehingga tiada yang berani menentang mereka. Oleh kerana itu, beliau melihat keperluan untuk mendedahkan kelemahan mazhab ini sekali gus menyekat perkembangan mereka. Beberapa karya tulis dikarang secara khas untuk mengkritik buku-buku Ibn Hazm seperti *al-Nawāhī* (sanggahan ke atas buku Ibn Hazm yang bertajuk *Nukat al-Islām*) dan *al-Ghurrah* (sanggahan ke atas kitab *al-Durrah*). Selepas berhadapan dengan sesetengah Hazmiyyah yang merendahkan *al-Muwattā’* dan keilmuan Imam Malik, Ibn al-‘Arabi mengarang *al-Masālik fī Sharḥ Muwattā’ Mālik*. Buku ini ditujukan untuk membuktikan ketelitian manhaj fuqaha’, terutama mazhab Maliki, dalam mengeluarkan hukum daripada hadith.⁸⁰

⁷⁸ Muḥammad bin ‘Abd Allāh Ibn al-‘Arabī, *‘Arīḍat al-Aḥwadhī bi-Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 3:86.

⁷⁹ Ibn al-‘Arabī, *Aḥkām al-Qur’ān*, 1:234. Pandangan ini selari dengan ketetapan ramai ulama seperti Abū Ishāq al-Isfarāyīnī, Abū ‘Alī Ibn Abī Hurayrah, dan Imām al-Ḥaramayn. Beberapa ulama terkemudian memilih pandangan yang lebih bersederhana. Ibn al-Ṣalāh dan al-Dhahabī menetapkan bahawa ijthad Dāwūd diambil kira apabila disokong oleh *naṣṣ* (teks wahyu) atau pernah dinyatakan oleh tokoh sahabat atau tabi’in. Lihat Abū ‘Amr Ibn al-Ṣalāh, *Fatāwā wa Masā’il Ibn al-Ṣalāh fī al-Tafsīr wa al-Hadīth wa al-Uṣūl wa al-Fiqh* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1986), 1:204–207; al-Dhahabī, *Siyar A‘lām al-Nubalā’*, 13:107.

⁸⁰ Al-Sharīf Ḥātīm al-‘Awnī, *Sharḥ al-Hadīth al-Nabawī* (Jeddah: Markaz Namā’ li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt, 2021), 354.

Literalisme Ibn Hazm, bagaimanapun, hanya berkaitan dengan wacana fiqh dan hukum. Dalam perbahasan akidah, tokoh ini sering mengaplikasi pembacaan metaforik ke atas teks-teks wahyu yang menyebutkan *istiwā'*, *nuzūl*, dan lain-lain.⁸¹ Justeru, sebahagian besar kritikan Ibn al-'Arabi kepada perbahasan akidah Ibn Hazm tidak berkaitan dengan aspek literalisme. Sebaliknya, kritikan beliau dalam perkara ini ditujukan kepada sesetengah ulama yang menentang penggunaan *nazar* (penaakulan) dalam perbahasan akidah dan menghukum bidaah ilmu kalam.⁸²

Ibn al-'Arabi menegaskan bahawa pendekatan literalistik dalam wacana akidah akan membawa kepada *tashbīh* (menyerupakan tuhan dengan makhluk). Meskipun tidak disebutkan secara jelas, kalangan yang beliau kritik dalam perkara ini secara amnya menepati ciri-ciri Hanabilah dan ultra-tradisionalis. Beliau mengatakan bahawa tokoh-tokoh utama aliran ini ialah Abu Ya'la al-Hanbali (m. 458H/1066M) dan anaknya Abu al-Husayn (m. 526H/1131M) di Baghdad, Abu al-Faraj al-Hanbali (m. 486H/1094M) di Damsyik, Ibn al-Rumayli (m. 492H/1099M) di Bayt al-Maqdis, al-Qatrawani di Nablus, dan al-Fakhuri di Mesir. Menurut Ibn al-'Arabi, semua tokoh yang disebutkan ini memiliki ramai pengikut daripada kalangan awam yang "taksab, degil dan kasar".⁸³

Kritikan Ibn al-'Arabi terhadap pendekatan literalistik dalam akidah turut disasarkan kepada ulama al-Maghrib dan Andalus.⁸⁴ Sesetengah pengkaji menyebut

⁸¹ Lihat 'Alī bin Aḥmad bin Ḥazm, *al-Durrah fī mā Yajib I'tiqādūh* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2009), 335 dan 338.

⁸² Lihat sanggahan al-Sanūsī bagi pandangan ini dalam Mohamad Darwi et al., "Kewajipan Nazar (Penaakulan) dan Keharaman Taklid di Sisi Muhammad bin Yusuf Al-Sanusi Menerusi Karyanya Sharh Al-'Aqidah Al-Kubra," *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 26(1) (2024), 399–400.

⁸³ Ibn al-'Arabi, *al-'Awāṣim min al-Qawāṣim*, 210.

⁸⁴ Delfina Ruano, "Later Ash'arism in the Islamic West," 7.

kalangan ini sebagai *Ahl al-Taslīm wa al-Tafwīd*, sekaligus memberi gambaran seolah-olah mereka hanya menerima teks wahyu tanpa ulasan dan perbahasan.⁸⁵ Gambaran tersebut tidak selari dengan keterangan Ibn al-‘Arabi berkenaan kumpulan ini. Beliau menceritakan bahawa kalangan ini melibatkan diri dalam membincangkan isu-isu akidah yang diperdebatkan lalu terjerumus dalam pelbagai kekeliruan akibat tidak menguasai ilmu kalam. Menurut Ibn al-‘Arabi, beliau pernah melihat sebuah karya akidah ulama al-Maghrib yang menetapkan bahawa, “Tuhan berada di arah tertentu; Dia di atas ‘*Arash*, dan ‘*Arash* adalah makhluk yang berhampiran denganNya.” Sebuah karya akidah yang lain menetapkan bahawa “Tuhan berada sejajar (*yuhāzī*) dengan makhluk.” Mereka membina akidah ini di atas penerimaan hadith lemah yang menyebutkan beberapa tingkatan langit yang berada di bawah ‘*Arash*, lalu menetapkan Allah berada di atasnya.⁸⁶

Ibn al-‘Arabi turut menyentuh ucapan Ibn Abi Zayd yang mengatakan bahawa “Dia (Allah) di atas ‘*Arsh*Nya yang mulia dengan zatNya (وأنه فوق عرشه المجيد بذاته)”. Kenyataan ini terdapat dalam *al-Risālah* yang menjadi bacaan wajib para pelajar di sekolah-sekolah agama di al-Maghrib. Oleh kerana itu, kata Ibn al-‘Arabi, konsepsi bahawa “Allah berada di atas ‘*Arsh*” menetap dalam minda kanak-kanak dan dewasa.⁸⁷

⁸⁵ *Ihñānah, Taṭawwūr al-Madhhab al-Ash‘arī fī al-Gharb al-Islāmī*, 41.

⁸⁶ Ibn al-‘Arabī, *al-‘Awāṣim min al-Qawāṣim*, 215.

⁸⁷ Ibn al-‘Arabī, *al-‘Awāṣim min al-Qawāṣim*, 215. Para ulama berbeza pandangan dalam memastikan maksud perkataan Ibn Abī Zayd dalam frasa di atas. Sesetengah kalangan menjadikan ucapan ini sebagai bukti yang menafikan tokoh Maliki ini bermazhab Ash‘arī. Lihat ‘Abd al-‘Azīz al-Ṭarīfī, *al-Maghribiyyah fī Sharḥ al-‘Aqīdah al-Qayrawāniyyah* (Riyadh: Dār al-Minhāj, 1438H), 115. Sebaliknya, para pensyarah kitab *al-Risālah* mengajukan pelbagai tafsiran untuk meluruskan ucapan ini agar tidak bertembung dengan prinsip mazhab Ash‘arī. Lihat misalnya Muḥammad bin Salāmah al-Tūnisī, *al-Nukat al-Mufīdah fī Sharḥ al-Khuṭbah wa al-‘Aqīdah* (Beirut: Mu‘assasat al-

Semua ini membuktikan bahawa keperihatinan Ibn al-‘Arabi bukan ditujukan kepada pendekatan *taslīm* dan *tafwīd* yang dikatakan menjadi pegangan ulama al-Maghrib dan Andalus pada masa itu. Sebaliknya, keperihatinan dan kritikan beliau berpunca daripada kekeliruan akidah yang berlaku dalam kalangan ahli fiqh tradisional akibat membincangkan wacana akidah tanpa bimbingan ilmu kalam. Sekiranya mereka menghindari perbahasan yang bukan kepakaran mereka, lalu benar-benar mengamalkan sikap *taslīm* (menerima teks wahyu) dan *tafwīd* (menyerahkan perbahasan ini kepada pakar), sebagaimana para ulama generasi Salaf, maka kritikan Ibn al-‘Arabi pastinya tidak diperlukan.

Salah satu kes yang turut membuktikan perkara ini ialah kritikan Ibn al-‘Arabi kepada ulama al-Maghrib dalam mentafsirkan hadith *al-nuzūl* (Allah turun ke langit dunia). Beliau mengatakan bahawa sesetengah kalangan menggunakan hadith ini sebagai sokongan bagi dakwaan bahawa “Allah berada di langit; di atas ‘Arash, di atas tujuh lapis langit”. Meskipun tidak menyebutkan nama secara spesifik, namun kemungkinan besar kritikan ini ditujukan kepada Abu ‘Umar Yusuf Ibn ‘Abd al-Bar (m. 463H/1071M).⁸⁸ Beliau adalah seorang ulama hadith

Ma‘ārif, n.d.), 83–84; Qāsim bin ‘Īsā bin Nājī, *Sharḥ Ibn Nājī al-Tannūkhī ‘alā Matn al-Risālah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2007), 1:24–25; ‘Alī bin Khalaf al-Manūfi, *Kifāyat al-Ṭālib al-Rabbānī ‘alā Risālat Ibn Abī Zayd al-Qayrawānī* (Cairo: Maktabah al-Khānjī, 1987), 1:102–105; Aḥmad bin Muḥammad Zarrūq, *Sharḥ Zarrūq ‘alā Matn al-Risālah* (Beirut: Dār al-Fikr, 1982), 1:28–29.

⁸⁸ Pendekatan Ibn ‘Abd al-Barr dalam membaca teks-teks akidah tidak semuanya bersifat literalistik. Pelbagai perbahasan beliau yang lain malah menunjukkan pendekatan yang tidak berbeza dengan Ibn al-‘Arabi kerana penerimaan konsep majas dalam bahasa Arab. Sebagai contoh, semasa mensyarahkan hadith yang menyebutkan “Allah tertawa,” Ibn ‘Abd al-Barr menegaskan bahawa perkataan ini mengandungi “majaz yang sedia difahami (*majāz mafhūm*).” Makna Allah tertawa ialah “Allah meredai hamba-Nya pada masa itu serta menyambut mereka dengan kelapangan, rahmat, dan kasih sayang.”

paling terkemuka di al-Maghrib dan al-Andalus pada zamannya. Ibn 'Abd al-Bar pada mulanya bermazhab Zahiri lalu berpindah kepada mazhab Maliki dengan kecenderungan kuat kepada mazhab Syafi'i.⁸⁹

Semasa mengulas hadith *nuzūl*, pendekatan Ibn 'Abd al-Bar terlihat literalistik dan seolah-olah mentafsirkan perkataan *nuzūl* (turun) mengikut makna literalnya iaitu perpindahan objek dari atas ke bawah. Oleh kerana itu, beliau menjadikan hadith ini salah satu pembuktian bahawa Allah SWT *berada* di langit dan di atas 'Arash. Beliau lalu menyokong konsep ini dengan beberapa ayat al-Quran yang menyebutkan *istiwā'* Allah SWT di atas 'Arash. Beliau mengatakan bahawa *istiwā'* adalah menetap di atas (*al-istiqrār fī al-'uluw*), sebagaimana beberapa ayat lain yang menyebutkan *istiwā'* pengendara di atas kenderaannya,⁹⁰ *istiwā'* bahtera Nabi Nuh di atas bukit,⁹¹ dan *istiwā'* Nabi Nuh dan pengikutnya di atas bahtera.⁹² Ibn 'Abd al-Bar turut menyokong keberadaan Tuhan di langit dengan ucapan Firaun yang memerintahkan Haman membina menara⁹³ dan bait syair 'Umayyah bin Abi Salt yang menetapkan Allah di atas 'Arsh. Menurut Ibn 'Abd al-Bar, 'Umayyah adalah tokoh Jahiliyah yang pernah mengkaji Taurat, Injil, dan kitab-kitab terdahulu, justeru ucapannya boleh diambil kira.⁹⁴

Lihat Ibn 'Abd al-Barr, *al-Tamhīd li mā fī al-Muwaṭṭa' min al-Ma'ānī wa al-Masānīd* (Rabat: Wizārat al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1387H), 18:345; Ibn al-'Arabī, *al-Masālik fī Sharḥ Muwaṭṭa' Mālik* (Tunisia: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2007), 5:82.

⁸⁹ Al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'*, 18:157.

⁹⁰ Surah al-Zukhruf 43:14.

⁹¹ Surah Hud 11:44.

⁹² Surah al-Mu'minun 23:28.

⁹³ Surah al-Qasas 28:38.

⁹⁴ Yūsuf bin 'Abd al-Barr, *al-Tamhīd li mā fī al-Muwaṭṭa' min al-Ma'ānī wa al-Masānīd* (Rabat: Wizārat al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1387H), 7:129-133; Yūsuf bin 'Abd al-Barr, *al-Istidhkār* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000), 2:527-528.

Ibn al-'Arabi menegaskan bahawa hadith *nuzūl* tidak menyokong dakwaan tuhan berada di langit. Hal itu kerana ia hanya menyebutkan *turun* namun tidak mengatakan *dari mana* dan *bagaimana* ia berlaku?⁹⁵ Dengan ini, beliau sekali gus mengisyaratkan bahawa perbahasan tentang sifat tuhan wajib berlandaskan kenyataan wahyu bukan pemahaman subjektif. Beliau turut menjelaskan bahawa memaknai *istiwa'* dengan *menetap* adalah satu kesalahan, terlebih lagi menyamakan *istiwa'* tuhan dengan *istiwa'* makhluk (bahtera atau manusia). Berkenaan ucapan Firaun dan 'Umayyah bin Abi Salt, Ibn al-'Arabi tegas mencela bentuk penghujahan seperti itu. Orang seperti Firaun dan tokoh ateis Arab, begitu juga kitab suci yang telah diubah (Taurat dan Injil), bukan hujah dalam perbahasan akidah Islam. Beliau lalu menyebutkan formula yang menjadi prinsip dalam akidah: "Allah SWT telah ada sebelum segala sesuatu. Dia lalu menciptakan semua makhluk daripada peringkat tertinggi hingga yang paling rendah tanpa menyebabkan perubahan tempat dan arah bagi-Nya. Hal itu kerana Dia ialah al-Quddūs (Zat Maha Suci) yang tidak berpindah dan berubah."⁹⁶

Kritikan Ibn al-'Arabi kepada aliran literalis akidah cukup menarik kerana berdasarkan pengamatan dan interaksi secara langsung. Beliau nampak benar-benar menguasai penghujahan mereka dan kaedah efektif untuk meruntuhkan penghujahan tersebut. Ibn al-'Arabi mendedahkan bahawa prinsip utama kalangan ini adalah premis bahawa Allah SWT lebih mengetahui tentang diri-Nya; justeru jika Dia memberitahu sesuatu tentang diri-Nya, maka kita wajib menerima dan meyakinkannya. Premis ini kemudian digunakan untuk menjustifikasi pembacaan literal bagi teks-teks wahyu tentang zat dan sifat tuhan.

⁹⁵ Ibn al-'Arabī, *ʿAridat al-Aḥwadhī bi-Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, 2:198–199; Muḥammad bin ʿAbd Allāh Ibn al-'Arabī, *al-Masālik fī Sharḥ Muwaḥḥa' Mālik* (Tunisia: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2007), 3:449.

⁹⁶ Lihat Ibn al-'Arabī, *al-Masālik fī Sharḥ Muwaḥḥa' Mālik*, 3:451.

Mereka menetapkan bahawa Allah "duduk" di atas 'Arash, berkata-kata dengan suara dan huruf, memiliki anggota tubuh seperti tangan, jari, lengan, pinggang, betis, dan kaki. Ibn al-'Arabi menceritakan bahawa Abu Ya'la al-Hanbali, tokoh literalis akidah di Baghdad, tiada halangan menetapkan semua anggota tubuh bagi Tuhan selain kemaluan dan janggut.⁹⁷

Untuk meluruskan pendirian ini, Ibn al-'Arabi menekankan prinsip keharmonian akal dan wahyu dalam membaca teks agama. Prinsip ini wajib diyakini terlebih dahulu sebelum menganalisis perkataan-perkataan musykil dalam teks-teks tersebut. Seorang pengkaji mesti meyakini bahawa syarak tidak mungkin membawa maklumat yang bertentangan dengan akal. Hal itu kerana kedua-duanya saling menyokong satu sama lain. Syarak ibarat seseorang yang membawa dakwaan, sedangkan akal adalah saksi yang membenarkan dan menyokong dakwaan tersebut.⁹⁸ Justeru, dalam menganalisis teks wahyu, seorang pengkaji mesti mampu membezakan antara kategori yang wajib, mustahil, dan harus. Ibn al-'Arabi berkata: "Batalkan perkara yang mustahil secara akal dengan dalil-dalil akal, (batalkan) perkara yang mustahil secara bahasa (*munṭani' lughatan*) dengan dalil-dalil bahasa, dan (batalkan) perkara yang mustahil secara syarak (*munṭani' shar'an*) dengan dalil-dalil syarak. Setelah itu kekalkan perkara-perkara yang harus berdasarkan dalil-dalil tersebut."⁹⁹

Berdasarkan prinsip di atas, Ibn al-'Arabi membahagikan hadith-hadith sifat kepada tiga bahagian. Pertama, hadith yang menetapkan sifat kesempurnaan bagi Allah SWT seperti ilmu dan *qudrah*. Hadith dalam kategori

⁹⁷ Ibn al-'Arabī, *al-'Awāṣim min al-Qawāṣim*, 210.

⁹⁸ Ibn al-'Arabī, *al-'Awāṣim min al-Qawāṣim*, 227; lihat juga Muḥammad bin 'Abd Allāh Ibn al-'Arabī, *al-Mutawassīṭ fī al-I'tiqād* (Amman: Maktabah 'Abaq al-Misk, 2023), 142.

⁹⁹ Muḥammad bin 'Abd Allāh Ibn al-'Arabī, *Qānūn al-Ta'wīl* (Jeddah: Dār al-Qiblah li al-Thaqāfah al-Islāmiyyah, 1986), 353.

ini wajib ditetapkan dan diyakini makna zahirnya kerana selari dengan rumusan akal dan kandungan teks *muḥkamāt*. Kedua, hadith yang seolah-olah menetapkan sifat-sifat kekurangan bagi Allah seperti sakit dan lupa. Dan ketiga, hadith yang menetapkan sifat kesempurnaan bagi Allah dalam bentuk yang seolah-olah menetapkan penyerupaan dengan makhluk seperti “tangan” dan “wajah”. Menurut Ibn al-‘Arabi, hadith dalam kategori kedua dan ketiga ini perlu ditakwil agar tidak terjerumus dalam penetapan sifat kekurangan bagi Allah SWT.¹⁰⁰

Mengamati metode takwil Ibn al-‘Arabi mendedahkan sebuah kaedah pembacaan yang cukup kompleks kerana melibatkan pelbagai cabang ilmu seperti linguistik dan sejarah sastera Arab. Beliau menetapkan bahawa sebuah perkataan atau frasa mesti ditafsirkan mengikut penggunaan orang Arab terdahulu. Sebagai contoh, frasa “langit (*al-samā*)” tidak mesti bermakna “sebuah tempat untuk objek (*maḥal istaqarra fih*)”. Sebaliknya, frasa ini sering digunakan oleh orang Arab terdahulu dengan makna “kedudukan yang sangat tinggi dan agung (*ghāyat al-rif‘ah wa muntahā al-jalālah*)”. Penggunaan tersebut misalnya terdapat dalam ucapan penyair:

بلغنا السماء مجدنا وجدودنا وإنا لنبغى فوق ذلك مظهرًا

Kemuliaan dan reputasi kami telah mencapai langit, namun kami terus menginginkan yang lebih tinggi daripada itu.¹⁰¹

Ibn al-‘Arabi turut mengingatkan bahawa sebuah perkataan kadang-kadang mempunyai beberapa kemungkinan makna. Penentuan makna yang dikehendaki daripadanya menuntut analisis teliti berkaitan *siyāq* dan *qarīnah* yang menjadi medium bagi perkataan tersebut.

¹⁰⁰ Ibn al-‘Arabī, *al-‘Awāṣim min al-Qawāṣim*, 227–230.

¹⁰¹ Ibn al-‘Arabī, *‘Aridat al-Aḥwadhī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, 8:85.

Sebagai contoh, perkataan "tapak tangan" pada asalnya merujuk kepada anggota tubuh namun turut bermakna "menggenggam" dan "memberi" secara metafora. Justeru, apabila perkataan ini disandarkan kepada Allah dalam hadith: "Sesungguhnya sedekah jatuh ke tapak tangan Tuhan sebelum jatuh ke tangan orang yang meminta," analisis *siyāq* dan *qarīnah* menunjukkan bahawa maka ia bukan hendak menetapkan anggota tubuh (tapak tangan) bagi Tuhan, akan tetapi hendak memberitakan sebuah perbuatan (menerima dan menggandakan ganjaran).¹⁰²

Ibn al-'Arabi menamakan makna metaforik ini dengan roh makna (*rūh al-ma'nā*). Beliau mengatakan bahawa roh tapak tangan menggenggam dan menghasilkan; roh kaki berjalan dan menendang; roh turun menghidupkan sesuatu tempat dengan ehsan dan penjagaan. Justeru, apabila semua perkataan ini dikaitkan kepada Allah, maka ia adalah gambaran bagi perbuatanNya, bukan penetapan sifat pada zat-Nya. Menurut Ibn al-'Arabi, kaedah ini pernah diaplikasikan oleh Abu 'Amr al-Awza'i (m. 157H/774M), seorang ulama tabiin di negeri Syam, apabila ditanya tentang makna hadith *Tuhan turun ke langit dunia*. Beliau menjawab soalan ini dengan berkata: "Allah melakukan apa yang dikehendakiNya."¹⁰³

Ucapan al-Awza'i turut membuktikan bahawa pendekatan takwil diterima dan diamalkan oleh kalangan Salaf dalam memaknai teks *mutashābihāt*.¹⁰⁴ Oleh yang demikian, menetapkan makna yang sesuai bagi teks-teks tersebut dibolehkan bagi kalangan yang berkelayakan. Sebaliknya, memadai bagi kalangan yang tidak memiliki kelayakan tersebut mengambil sikap mengimani dan menerima selagi mana diiringi keyakinan bahawa tiada

¹⁰² Ibn al-'Arabī, *al-Masālik fī Sharḥ Muwaṭṭa' Mālik*, 7:596.

¹⁰³ Ibn al-'Arabī, *Qānūn al-Ta'wīl*, 577.

¹⁰⁴ Ibn al-'Arabī, *al-Masālik fī Sharḥ Muwaṭṭa' Mālik*, 3:454.

sesuatu yang menyerupai Tuhan.¹⁰⁵ Menurut Ibn al-'Arabī, pendekatan yang kedua ini ialah pilihan Imam Malik seperti yang difahami daripada ucapan beliau: "*Istiwā'* diketahui, *kayfiyatnya* dijahili, dan bertanya tentangnya adalah bidaah." Maksud ucapan ini: perkataan *istiwā'* diketahui adalah sebahagian daripada kosa kata Arab yang memiliki banyak makna. Penetapan salah satu makna yang layak bagi Allah tidak dapat dipastikan kerana hanya Dia yang dapat memastikan maksud perkataanNya. Bertanya tentang perkara ini dihukumkan bidaah kerana berpotensi membawa kepada perbahasan ayat *mutashābihāt* yang mencetuskan polemik.¹⁰⁶

Ibn al-'Arabi berpandangan bahawa ucapan Imam Malik ini bukan satu bentuk pendekatan literalistik. Hal itu kerana beliau tidak menetapkan makna zahir, akan tetapi sekadar membiarkan (*imrār*) lalu menghukum bidaah mempersoalkan makna *istiwā'*. Jika sedemikian ketetapan Imam Malik kepada persoalan tentang *istiwā'*, kata Ibn al-'Arabī, celaan lebih teruk pastinya akan beliau timpakan kepada perbahasan spekulatif tentang kaitan antara 'Arash dan Allah. Begitu juga pandangan yang menetapkan bahawa Allah menetap di atas 'Arash, sejajar dengannya, atau berhampiran dengannya. Hal itu kerana semua ini tidak pernah disebutkan secara jelas dalam teks al-Quran dan Sunnah.¹⁰⁷ Ucapan ini secara tidak langsung merupakan kritikan kepada ulama Maliki di al-Magrib dan al-Andalus pada masa itu yang dilihat telah menyimpang daripada pendirian imam mereka sendiri.

¹⁰⁵ Ibn al-'Arabī, *al-'Awāṣim min al-Qawāṣim*, 227; Ibn al-'Arabī, *Qānūn al-Ta'wīl*, 578.

¹⁰⁶ Muḥammad bin 'Abd Allāh Ibn al-'Arabī, *al-Masālik fī Sharḥ Muwaḥḥa' Mālik* (Tunisia: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2007), 3:452.

¹⁰⁷ Ibn al-'Arabī, *al-'Awāṣim min al-Qawāṣim*, 216.

Kesimpulan

Perbahasan di atas mempersoalkan pandangan yang menetapkan bahawa mazhab Ash'ari tidak dikenali di al-Maghrib dan al-Andalus sebelum revolusi Ibn Tumart. Begitu juga pandangan yang menetapkan bahawa Ibn Tumart adalah orang pertama yang membawa mazhab Ash'ari dan metode takwil ke kawasan tersebut. Dapatan kajian membuktikan bahawa mazhab Ash'ari telah berkembang di al-Maghrib dan al-Andalus sejak abad 4H/10M dan disambut baik oleh tokoh-tokoh utama mazhab Maliki. Penyokong mazhab Ash'ari di al-Maghrib dan al-Andalus seterusnya menjadi komuniti ilmuwan tersendiri yang berbeza daripada dua kumpulan intelektual yang sedia ada pada masa itu. Kumpulan pertama ialah para fuqaha' tradisional yang mengharamkan ilmu kalam sehingga terjerumus dalam kekeliruan akidah. Kumpulan kedua ialah kalangan Zahiri yang mengamalkan pendekatan literalistik dalam berinteraksi dengan teks al-Quran dan Sunnah sekali gus mencabar dominasi mazhab Maliki di kawasan tersebut. Komuniti Maliki-Ash'ari berada di antara kedua-dua kumpulan tersebut. Mereka setia kepada tradisi fiqh mazhab Maliki, namun pada masa yang sama mendalami ilmu kalam untuk mempertahankan akidah Ahli Sunnah mengikut pendekatan mazhab Ash'ari.

Sebagai salah seorang representasi terbaik komuniti Ash'ari pada era Murabitun, Ibn al-'Arabi memperlihatkan penentangan terhadap pendekatan literalisme yang berlaku dalam bidang fiqh dan akidah. Kritikan beliau dalam perkara ini diarahkan kepada Hanbali dan Zahiri, serta ditujukan secara khusus kepada fuqaha' tradisional Maliki yang bekerja untuk kerajaan Murabitun. Memandangkan kedudukan beliau dalam kerajaan Murabitun, sikap ini merupakan sebuah Gerakan reformasi yang berusaha mencetuskan perubahan dalam keadaan sedia ada umat Islam pada masa itu. Namun, berbeza dengan pendekatan radikal Ibn Tumart, perubahan yang

Umar Muhammad Noor, “Cabaran Aliran Literalis pada Era Murabitun: Peranan Ibn al-‘Arabi al-Maliki terhadap Pengukuhan Ash‘ariyyah di al-Maghrib dan al-Andalus,” *Afkar* Vol. 28 No. 1 (2026): 495-540

dusahakan oleh Ibn al-‘Arabi mengambil pendekatan sosial-budaya melalui ilmu dan pendidikan. Beliau berusaha meluruskan pemikiran kalangan terpelajar di al-Maghrib dan al-Andalus untuk kembali kepada tradisi kesarjanaan para ulama terdahulu.

Rujukan

- A‘rab, Sa‘īd. *Ma‘a al-Qāḍī Abī Bakr Ibn al-‘Arabī*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1987.
- ‘Abd Allāh, Muḥammad Ramaḍān. *Al-Bāqillānī wa Ārā‘uh al-Kalāmiyyah*. Baghdad: Maṭba‘at al-Ummah, 1986.
- Abū Zahrah, Muḥammad. *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah fī al-Siyāsah wa al-‘Aqā‘id wa Tārīkh al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*. Cairo: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1996.
- Adang, Camilla. “The Beginnings of the Zāhirī Madhhab in al-Andalus.” In *The Islamic School of Law: Evolution, Devolution, and Progress*, ed. Peri Bearman, Rudolph Peters & Frank E. Vogel, 117–125. Cambridge: Harvard University Press, 2005.
- Al-Abbār, Muḥammad bin ‘Abd Allāh. *Al-Takmilah li Kitāb al-Ṣilah*. Beirut: Dār al-Fikr, 1995.
- ‘Annān, Muḥammad ‘Abd Allāh. *Dawlat al-Islām fī al-Andalus*. Cairo: Maktabat al-Khānjī, 1997.
- Al-‘Awnī, Sharīf Ḥātim. *Sharḥ al-Ḥadīth al-Nabawī*. Cairo: Namā’ Center for Research and Studies, 2021.
- Al-Bāqillānī, Muḥammad bin al-Ṭayyib. *Kitāb al-Bayān ‘an al-Farq Bayn al-Mu‘jizāt wa al-Karāmāt wa al-Ḥiyal wa al-Kahānah wa al-Siḥr wa al-Nārinjāt*. Beirut: Al-Maktabah al-Sharqiyyah, 1958.
- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn. *Al-‘Ibar fī Akhbār Man Ghabar*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1985.
- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn. *Siyar A‘lām al-Nubāla’*. Beirut: Mu‘assasat al-Risālah, 1985.

Umar Muhammad Noor, "Cabaran Aliran Literalis pada Era Murabitun: Peranan Ibn al-'Arabi al-Maliki terhadap Pengukuhan Ash'ariyyah di al-Maghrib dan al-Andalus," *Afkar* Vol. 28 No. 1 (2026): 495-540

- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn. *Tārīkh al-Islām wa Wafayāt al-Mashāhīr wa al-A'lām*. Tunisia: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2003.
- Al-Ghizzī, 'Abd Allāh bin 'Abd al-'Azīz. *Al-Maṣādir al-Aṣliyyah al-Maṭbū'ah li al-'Aqīdah al-Ash'ariyyah*. Beirut: Namā' Center for Research and Studies, 2018.
- Al-Ḥajjī, 'Abd al-Raḥmān 'Alī. *Al-Tārīkh al-Andalusī min al-Fath al-Islāmī ḥattā Suqūṭ Gharnāṭah*. Damascus: Dār al-Qalam, 1981.
- Al-Ḥay, Ḥay bin Sālim. *Al-Tamyīz fī Bayān 'an Madhhab al-Ashā'irah Laysa 'alā Manhaj al-Salaf al-'Azīz*. Kuwait: Ghirās, 2007.
- 'Idhārī, Aḥmad bin Muḥammad. *Al-Bayān al-Mughrib fī Ikhtisār Akhbār Mulūk al-Andalus wa al-Maghrib*. Tunisia: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2013.
- Al-Ishbīlī, Muḥammad Khayr. *Fahrasat Ibn Khayr al-Ishbīlī*. Tunisia: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2009.
- Al-Jazā'irī, Ṣāliḥ bin Sa'īd. *Al-Imām Abū Muḥammad Ibn Ḥazm wa Uṣūluḥ fī Taṣḥīḥ al-Aḥādīth wa Ta'līlīhā min Khilāl Kitābih al-Muḥallā*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2009.
- Al-Kattānī, Muḥammad bin Ibrāhīm. *Al-Ijtihād wa al-Mujtahidūn bi al-Andalus wa al-Maghrib*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004.
- Al-Maḥmūd, 'Abd al-Raḥmān bin Ṣāliḥ. *Mawqif Ibn Taymiyyah min al-Ashā'irah*. Riyadh: Maktabat al-Rushd, 1995.
- Al-Malāqī, Abū al-Ḥasan bin 'Abd Allāh. *Tārīkh Quḍāt al-Andalus*. Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, 1983.
- Al-Manūfī, 'Alī bin Khalaf. *Kifāyat al-Ṭālib al-Rabbānī 'alā Risālat Ibn Abī Zayd al-Qayrawānī*. Cairo: Maktabat al-Khānjī, 1987.
- Al-Maqqarī, Aḥmad bin Muḥammad. *Naṣḥ al-Ṭib min Ghuṣn al-Andalus al-Raṭīb*. Beirut: Dār Ṣādir, 1968.
- Al-Maqdisi, Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad. *Aḥsan al-Taqaṣīm fī Ma'rifat al-Aqālīm*. Beirut: Dār Ṣādir, 1991.

Umar Muhammad Noor, "Cabaran Aliran Literalis pada Era Murabitun: Peranan Ibn al-'Arabi al-Maliki terhadap Pengukuhan Ash'ariyyah di al-Maghrib dan al-Andalus," *Afkar* Vol. 28 No. 1 (2026): 495-540

- Al-Marrakushī, 'Abd al-Wāhid. *Al-Mu'jib fī Talkhīṣ Akhbār al-Maghrib*. Beirut: Maktabat al-Ṣaydā, 2006.
- Al-Najjār, 'Abd al-Majīd. *Al-Mahdī Ibn Tūmart*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1983.
- Al-Nāṣirī, Aḥmad bin Khālid. *Al-Istiḡṣā' li Akhbār Duwal al-Maghrib al-Aqṣā*. Casablanca: Dār al-Kitāb, 1997.
- Al-Qilālī, 'Abd al-Karīm. "Dukhūl al-'Aqīdah al-Ash'ariyyah ilā Bilād al-Maghrib: Dirāsah fī al-Asbāb al-Tārikhiyyah wa al-Mawḍū'iyah." *Majallah al-Dhakhīrah li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah* 3(1) (2019): 30–56.
- Al-Ṣamad, Tawfīq Mazārī 'Abd. "Athar al-Madhhab al-Ash'ari fī al-Gharb al-Islāmī ḥattā al-Qarn al-Sādis al-Hijrī." *Majallah al-Buḥūth al-Ilmiyyah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah* 10(3) (2018): 137–163.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. *Tārikh al-Khulafā'*. Doha: Wizārat al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 2013.
- Al-Ṭarīfī, 'Abd al-'Azīz. *Al-Maghribiyyah fī Sharḥ al-'Aqīdah al-Qayrawāniyyah*. Riyadh: Dār al-Minhāj, 1438H.
- Al-Tihāmī, Ibrāhīm. *Juhūd 'Ulamā' al-Maghrib fī al-Difā' an 'Aqīdat Ahl al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasat al-Risālah, 2005.
- Al-Tūnisī, Muḥammad bin Salāmah. *Al-Nukat al-Mufīdah fī Sharḥ al-Khuṭbah wa al-'Aqīdah*. Beirut: Mu'assasat al-Ma'ārif, t.t.
- Al-'Urayḍī, Yasīn Ghānim Jāsim. *Ṭabaqāt al-Ashā'irah A'yān Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 2024.
- Ben Ahmed, Fouad. *Ibn Ṭumlūs (Alhagiag bin Thalmus d.620/1223), Compendium on Logic (al-Mukhtaṣar fī al-Manṭiq)*. Leiden: Brill, 2020.
- Darwi, Mohamad, Mukhammad Hadi Musolin Subedi, Engku Ibrahim Engku Wok Ali & Mohd Manawi Mohd Akil. "Kewajipan Nazar (Penaakulan) dan Keharaman Taklid di Sisi Muhammad bin Yusuf al-Sanusi Menerusi

Umar Muhammad Noor, “Cabaran Aliran Literalis pada Era Murabitun: Peranan Ibn al-‘Arabi al-Maliki terhadap Pengukuhan Ash‘ariyyah di al-Maghrib dan al-Andalus,” *Afkar* Vol. 28 No. 1 (2026): 495-540

- Karyanya *Sharh al-‘Aqidah al-Kubra.*” *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 26(1) (2024): 385–414.
- EGGEN, Nora S. “A Book Burner or Not? History and Myth: Revisiting al-Qāḍī ‘Iyāḍ and the Controversies over al-Ghazālī in the Islamic West.” *Journal of Arabic and Islamic Studies* 18 (2018): 87–109.
- El-Centouf, Muhammad. “Al-Madhhab al-Ash‘ari bi-al-Andalus wa al-Maghrib wa Mawāqif Fuqahā’ al-Dawlah al-Murābiṭiyyah Minh.” In *Intishār al-Ash‘ariyyah ‘alā ‘Ahd al-Dawlah al-Murābiṭiyyah*, ed. Jamāl ‘Allāl al-Bukhtī, 69–79. Tetouan: Al-Rābiṭah al-Muḥammadiyyah li al-‘Ulamā’, 2019.
- Fierro, Maribel. “The New Cambridge History of Islam.” In *The Western Islamic World Eleventh to Eighteenth Centuries* 2:36–40. Cambridge: Cambridge University Press, 2010.
- Garden, Kenneth. “The Riḥla and Self-Reinvention of Abū Bakr Ibn al-‘Arabī.” *Journal of the American Oriental Society* 135(1) (2015): 1–17.
- Haris, K. M. & R. Febrian. “Post-Ghazali Islamic Philosophy in the Sunni and Shi‘ite Traditions.” *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 25(2) (2023): 459–498.
- Ibn ‘Abd al-Barr, Yūsuf bin ‘Abd Allāh. *Al-Istidhkār*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000.
- Ibn ‘Abd al-Barr. *Al-Tamhīd li mā fī al-Muwaṭṭa’ min al-Ma‘ānī wa al-Masānīd*. Rabat: Wizārat al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, 1387H.
- Ibn ‘Asākir, ‘Alī bin al-Ḥasan. *Tabyīn Kadhib al-Muftarī fī mā Nasaba ilā al-Imām Abī al-Ḥasan al-Ash‘ari*. Damascus: Dār al-Taqwā, 2018.
- Ibn al-‘Arabī, Muḥammad bin ‘Abd Allāh. *Aḥkām al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.
- Ibn al-‘Arabī. *Al-‘Awāṣim min al-Qawāṣim (al-Nuṣūṣ al-Kāmilah)*. Cairo: Dār al-Turāth, t.t.

Umar Muhammad Noor, "Cabaran Aliran Literalis pada Era Murabitun: Peranan Ibn al-'Arabī al-Maliki terhadap Pengukuhan Ash'ariyyah di al-Maghrib dan al-Andalus," *Afkar* Vol. 28 No. 1 (2026): 495-540

- Ibn al-'Arabī. *Al-Masālik fī Sharḥ Muwaṭṭa' Mālik*. Tunis: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2007.
- Ibn al-'Arabī. *Al-Mutawassīṭ fī al-I'tiqād*. Amman: Maktabah 'Abaq al-Misk, 2023.
- Ibn al-'Arabī. *ʿAriḍat al-Aḥwadhī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.
- Ibn al-'Arabī. *Qānūn al-Ta'wīl*. Jeddah: Dār al-Qiblah li al-Thaqāfah al-Islāmiyyah, 1986.
- Ibn al-Athīr, 'Alī bin Muḥammad. *Al-Kāmil fī al-Tārīkh*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1997.
- Ibn al-Ṣalāḥ, Abū 'Amr. *Fatāwā wa Masā'il Ibn al-Ṣalāḥ fī al-Taḥṣīr wa al-Ḥadīth wa al-Uṣūl wa al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1986.
- Ibn Ḥazm, 'Alī bin Aḥmad. *Al-Durrah fī mā Yajib I'tiqāduh*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2009.
- Ibn Khaldūn, 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad. *Tārīkh Ibn Khaldūn*. Beirut: Dār al-Fikr, 2001.
- Ibn Khallikān, Aḥmad bin Muḥammad. *Wafayāt al-A'yān wa Anbā' Abnā' al-Zamān*. Beirut: Dār Ṣādir, 1971.
- Ibn Rushd, Muḥammad bin Aḥmad (al-Jadd). *Masā'il Abī al-Walīd Ibn Rushd*. Beirut: Dār al-Jīl, 1993.
- Ibn Taymiyyah, Aḥmad bin 'Abd al-Ḥalīm. *Dar' Ta'aruḍ al-'Aql wa al-Naql*. Riyadh: Dār al-Kunūz al-Adabiyyah, 1391H.
- Ihnānah, Yūsuf. *Taṭawwur al-Madhhab al-Ash'ari fī al-Gharb al-Islāmī*. Rabat: Wizārat al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 2003.
- 'Iyāḍ bin Mūsā (al-Qāḍī). *Fahrasat Shuyūkh al-Qāḍī 'Iyāḍ al-Musammā al-Ghunyah*. Cairo: Maktabat al-Thaqāfah al-Dīniyyah, 2003.
- 'Iyāḍ bin Mūsā (al-Qāḍī). *Tartīb al-Madārik wa Taqrīb al-Masālik li Ma'rifat A'lām Aṣḥāb Mālik*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998.
- Kanūn, 'Abd Allāh. *Al-Nubūgh al-Maghribī fī al-Adab al-'Arabī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2013.

Umar Muhammad Noor, "Cabaran Aliran Literalis pada Era Murabitun: Peranan Ibn al-'Arabi al-Maliki terhadap Pengukuhan Ash'ariyyah di al-Maghrib dan al-Andalus," *Afkar* Vol. 28 No. 1 (2026): 495-540

Maḥfūz, Muḥammad. *Tarājim al-Mu'allifin al-Tūnisiyyīn*. Tunisia: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1994.

Makhlūf, Muḥammad bin Muḥammad. *Shajarat al-Nūr al-Zakiyyah fī Ṭabaqāt al-Mālikiyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003.

Nājī, Qāsim bin 'Īsā. *Sharḥ Ibn Nājī al-Tannūkhī 'alā Matn al-Risālah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2007.

Ruano, Delfina Serrano. "Later Ash'arism in the Islamic West." In *The Oxford Handbook of Islamic Theology*, ed. Schmidtke, Sabine, 517–537. Oxford: Oxford University Press, 2016.

Ruano, Delfina Serrano. "Why Did the Scholars of al-Andalus Distrust al-Ghazālī? Ibn Rushd al-Jadd's Fatwā on Awliyā' Allāh." *Der Islam* 83(1) (2006): 137–156.

Safran, Janina M. "The Politics of Book Burning in al-Andalus." *Journal of Medieval Iberian Studies* 6(2) (2014): 148–168.

Shāfi'ī, Muḥammad 'Abd al-Laṭīf. "Mawqif al-Fuqahā' al-Mālikiyyah fī al-Gharb al-Islāmī min al-Ash'ariyyah: Ibn Abī Zayd al-Qayrawānī Namūdhajan." *Majallah al-Nawāzil al-Fiqhiyyah wa al-Qānūniyyah* 2 (2018): 225–249.

Van Ess, Josef. *Theology and Society in the Second and Third Centuries of the Hijra*. Leiden: Brill, 2019.

Watt, W. Montgomery. *Islamic Philosophy and Theology*. Edinburgh: Edinburgh University Press, 1985.

Zarrūq, Aḥmad bin Muḥammad. *Sharḥ Zarrūq 'alā Matn al-Risālah*. Beirut: Dār al-Fikr, 1982.

Umar Muhammad Noor, "Cabaran Aliran Literalis pada Era Murabitun: Peranan Ibn al-'Arabi al-Maliki terhadap Penguhan Ash'ariyyah di al-Maghrib dan al-Andalus," *Afkar* Vol. 28 No. 1 (2026): 495-540